



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 19 MEI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI DIARAH SEDIA PELAN ELAK KRISIS MAKANAN, UM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	HAPUSKAN PERANAN ORANG TENGAH DALAM SEKTOR PERTANIAN:PM, SH -ONLINE	
3.	TIADA AP UNTUK IMPORT BAHAN MAKANAN-PM ISMAIL SABRI, HM -ONLINE	
4.	MAFI DIMINTA PERCEPAT BAYARAN SUBSIDI KEPADA PENTERNAK, UM -ONLINE	
5.	KERAJAAN MANSUH SERTA-MERTA AP BAHAN MAKANAN, BH -ONLINE	
6.	MAFI SASAR SMART SBB DI 150,000 HEKTAR KAWASAN PADI, NASIONAL, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
7.	MAFI AIMS TO IMPLEMENT SMART SBB PROGRAMME NATIONWIDE, HOME, BORNEO POST -ONLINE	
8.	ZIARAH, PERIKATAN NASIONAL, HAKAKAH -15	
9.	PENILAIAN TERHADAP SEMUA IPD DI SELURUH NEGARA, PERIKATAN NASIONAL, HAKAKAH -15	
10.	YEAH: AP REMOVAL LIKELY TO RESULT IN ADEQUATE SUPPLIES AND LOWER PRICES, NEWS, THE STAR -2	
11.	'ANYONE CAN IMPORT FOOD', NATION, THE STAR -2	
12.	REMOVAL OF APs GET THE NOD FROM ALL, NATION, THE STAR -2	
13.	160HA OF NFC PLOT TO BE LEASED FOR CORN CULTIVATION, NATION, THE STAR -2	
14.	TIADA AP BAHAN MAKANAN, LOKAL, HM -5	
15.	AP IMPORT MAKANAN DIMANSUH -PM, NEGARA, KOSMO -4	
16.	MANSUH SERTA MERTA AP IMPORT BAHAN MAKANAN, MUKA DEPAN, BH -1	
17.	MAFI DIMINTA KEMUKA CADANGAN JANGKA PENDEK, PANJANG, NASIONAL, BH -2	
18.	PROJEK TERNAKAN LEMBU NFC DIGANTI JAGUNG BIJIRIN, NASIONAL, BH -2	
19.	AP IMPORT MAKANAN DIMANSUH, MUKA DEPAN, UM -1	
20.	MANSUH AP IMPORT MAKANAN JAMIN BEKALAN BERTERUSAN, DALAM NEGERI, UM -2	
21.	MAFI DIMINTA PERCEPAT BAYARAN SUBSIDI PENTERNAK, DALAM NEGERI, UM -3	
22.	AP IMPORT MAKANAN DIMANSUH, DALAM NEGERI, UM -4	
23.	MANSUH AP BUNUH PETANI TEMPATAN?, DALAM NEGERI, UM -4	
24.	SOKONG HAPUS PERMIT IMPORT MAKANAN, MUKA DEPAN, SH -1	
25.	PEMANSUHAN AP BANTU LAWAN INFLASI, HARGA TAK MUNASABAH, NASIONAL, SH -2	
26.	TIADA LAGI AP IMPORT MAKANAN, NASIONAL, SH -2	
27.	BUKA BANYAK PELUANG BAWA MASUK BAHAN MAKANAN, NASIONAL, SH -3	
28.	MANSUH AP BERI BANYAK MANFAAT - PAKAR, NASIONAL, SH -3	
29.	JAMIN KESELAMATAN, SAYA SEDIA JUMPA JAKIM -ABDULLAH, DALAM NEGERI, UM 1 & 2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
30.	DALANG LANGGAR PROTOKOL HALAL DIDEDAH, DALAM NEGERI, UM -4	
31.	TEKNOLOGI AI TAMBAH BAIK INDUSTRI PERIKANAN, SAINS TEKNOLOGI, HAKAKAH -H10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
32.	TUTUP LAMPU BOT ELAK DITAHAN PIHAK BERKUASA, NEGERI PULAU PINANG, SH -28	
33.	PENDUDUK KEDAH GHAIRAH GANTI PADI, GETAH TANAM 'EMAS HIJAU', DALAM NEGERI, UM -10	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
34.	JADIKAN FELDA GEDUNG MAKANAN, NASIONAL, SH -3	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
35.	PESAWAH DAPAT RM200 BANTUAN SELAMA 6 BULAN, BH -ONLINE	
36.	PENIAGA KENAKAN UPAH POTONG AYAM RM1.10 SEKILOGRAM, NASIONAL, BH -4	LAIN-LAIN
37.	PEMBELI KELIRU TIADA TANDA HARGA, NASIONAL, BH -4	
38.	PEMBORONG HADKAN PEMBELIAN TEPUNG GANDUM, NEGERI TERENGGANU, SH -27	
39.	LAHIR RAMAI USAHAWAN TEMPATAN DI SABAH, PERIKATAN NASIONAL, HAKAKAH -14	
40.	TAPAK NFC GEMAS DIBANGUNKAN DENGAN PROJEK JAGUNG BIJIRIN, HM -ONLINE	

<p>41. BUAT APA KELUAR MEMO KALAU MAHU PROTES AYAM, KOSMO -ONLINE  42. CERTAIN DURIAN PRICES TO BE INCREASED 100 PERCENT, TAMIL MALAR -ONLINE  43. KEDAH TO RAMP U RICE PRODUCTION, NEWS, NST -4  44. BEKALAN TEPUNG MENCUKUPI, LOKAL, HM -12  45. KERANA CUTI PANJANG TAK HANTAR BEKALAN, LOKAL, HM -12  46. PENIAGA DAKWA KELIRU HARGA SILING SEBENAR, LOKAL, HM -12  47. AYAM SEGAR DIJUAL 60 SEN MELEBIHI HARGA SILING, LOKAL, HM -12  48. HARGA LEMBU KORBAN DIJANGKA NAIK, DALAM NEGERI, UM -29  49. BINA MODEL PERLADANGAN TERBAIK JAMIN SEKURITI MAKANAN NEGARA, MUKA SEPULUH, BH -10  50. KERAJAAN KENA TEROKA IMPORT GANDUM DARI NEGARA LAIN, NASIONAL, BH -5  51. PENIAGA KEDAI RUNCIT DAKWA TERBEBAN SYARAT PEMBORONG, NASIONAL, BH -5  52. BEKALAN TEPUNG GANDUM BERSUBSIDI DI PASARAN TERHAD, NASIONAL, BH -5  53. HARGA BARANG NAIK, PENIAGA TERJEJAS, EKONOMI, UM -34  54. RASA BERTUAH DAPAT MAKAN DURI HITAM, NEGARA, KOSMO -7  55. BEKALAN AYAM DI PASAR JERANTUT LICIN, NEGARA, KOSMO -16  56. 'PUKUL 8 PAGI BEKALAN SUDAH HABIS', NEGARA, KOSMO -16  57. PENIAGA ROTI CANAI BIMBANG, DALAM NEGERI, UM -12  58. PENGUSAHA TERPAKSA NAIKKAN HARGA ROTI, DALAM NEGERI, UM -12  59. 87 CAWANGAN ECONSAVE KEKURANGAN 30 PERATUS TEPUNG GANDUM, DALAM NEGERI, UM -12</p>	
---	--

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	UTUSAN.COM	ONLINE	

## MAFI diarah sedia pelan elak krisis makanan



ISMAIL Sabri Yaakob ketika menghadiri Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) Ke-46 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR: Kerajaan telah mengarahkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyediakan pelan jangka panjang dan pendek bagi mengelak krisis makanan daripada berlaku di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pihaknya sentiasa memberi perhatian terhadap masalah dihadapi peladang terutamanya dalam situasi dunia sekarang yang mengakibatkan peningkatan kos bahan mentah.

Jelas beliau, kebimbangan tidak cukup bekalan makanan merupakan isu global bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga seluruh dunia.

Justeru kata beliau, kementerian itu juga diminta supaya mengambil tindakan segera berhubung isu kos sara hidup yang meningkat.

“Dalam hal ini, kerajaan menggesa Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melaksanakan perubahan dan anjakan paradigma bagi memastikan negara mempunyai bekalan makanan yang mencukupi.

“Kedua, Nafas perlu memberi ‘nafas’ baharu kepada sektor makanan berasaskan pertanian melalui penerapan teknologi tinggi dan pendigitalan bagi meningkatkan pengeluaran pertanian sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

“Suka saya menarik perhatian bahawa Malaysia pada ketika ini membelanjakan lebih RM50 bilion untuk mengimport bahan makanan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Nafas Ke-46 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur di sini hari ini.

Selain itu, Ismail Sabri berkata, langkah ketiga adalah menghapuskan orang tengah yang pernah dilakukan beliau ketika menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

“Saya telah mengisytiharkan 2014 sebagai tahun ‘Jihad Memerangi Orang Tengah’ kerana mereka inilah yang memerah keringat petani dan nelayan dan memanipulasikan harga di pasaran.

“Jihad ini perlu diteruskan oleh Nafas menerusi strategi penguasaan rantaian bekalan seperti mewujudkan Pusat Pembelian Padi, Pusat Pengumpulan Buah-Buahan, penambahan pasar tani serta pasar-pasar nelayan,” katanya.

Kata Perdana Menteri, isu bekalan makanan berlaku ekoran pandemik Covid-19 mengekang kegiatan pertanian sekali gus mengurangkan eksport makanan pengeluar kerana mereka lebih mengutamakan keperluan dalam negara masing-masing.

Menurut beliau, keadaan bertambah buruk apabila berlaku peperangan Russia-Ukraine yang memberikan tekanan terhadap rantaian bekalan di seluruh dunia.

“Peningkatan kadar inflasi merupakan satu fenomena global yang turut dialami kebanyakan negara akibat gangguan rantaian bekalan makanan.

“Sebagai contoh, Amerika Syarikat mengalami inflasi sebanyak 8.5 peratus, United Kingdom tujuh peratus, Singapura 5.4 peratus, Australia 4.5 peratus dan Indonesia 2.6 peratus.

“Bagaimanapun Malaysia mencatat kadar inflasi sebanyak 2.2 peratus, lebih rendah berbanding negara-negara lain yang telah mencatatkan kenaikan mendadak.

Namun begitu kata Ismail Sabri, jika perang berpanjangan, pihaknya bimbang kesan yang lebih buruk terhadap input pertanian seperti harga baja, racun dan sebagainya. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	SINAR HARIAN.COM	ONLINE	

## Hapuskan peranan orang tengah dalam sektor pertanian: PM



Ismail Sabri ketika menghadiri Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Nafas ke-48 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur malam ini. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR - [DIKEMAS KINI] Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menggesa agar budaya 'orang tengah' dalam sektor pertanian dan rangkaian bekalan makanan dihapuskan bagi mengawal kos sara

hidup yang meningkat antara lain akibat kenaikan kadar inflasi.

Beliau berkata, orang tengah merupakan pihak yang memerah keringat petani dan nelayan selain memanipulasi harga di pasaran.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri pernah mengisytiharkan 'jihad memerangi orang tengah' pada 2014 ketika menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Jihad ini perlu diteruskan oleh Nafas (Pertubuhan Peladang Kebangsaan) menerusi strategi penguasaan rantaian bekalan seperti mewujudkan Pusat Pembelian Padi, Pusat Pengumpulan Buah-Buahan, penambahan pasar tani serta pasar nelayan," katanya.

Ismail Sabri berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sebelum merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Nafas Ke-48 di sini malam ini yang turut dihadiri Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Perdana Menteri berkata, inflasi makanan merupakan fenomena global akibat gangguan rantaian bekalan berpunca daripada pandemik Covid-19 yang mengekang kegiatan pertanian sekali gus mengurangkan eksport dan keadaan bertambah buruk apabila berlaku peperangan Rusia-Ukraine.

"Peperangan itu memberi ancaman kepada penghantaran sebahagian tanaman ruji dunia sekali gus menyebabkan inflasi makanan menjadi semakin buruk. Kebimbangan tidak cukup bekalan makanan merupakan isu global bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia," katanya.

Beliau turut menyuarakan kebimbangan jika peperangan itu berpanjangan, kesan lebih buruk terhadap input pertanian boleh berlaku seperti kenaikan harga baja, racun dan sebagainya.

Bagaimanapun, Ismail Sabri berkata, Malaysia ketika ini mencatat kadar inflasi 2.2 peratus iaitu lebih rendah berbanding negara lain termasuk Amerika Syarikat (8.5 peratus), United Kingdom (7), Singapura (5.4), Australia (4.5) dan Indonesia (2.6).

Katanya, masalah dihadapi Keluarga Peladang terutama dalam situasi dunia sekarang yang mengakibatkan peningkatan kos bahan mentah akan sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata inflasi makanan merupakan fenomena global akibat gangguan rantaian bekalan berpunca daripada pandemik Covid-19 yang mengekang kegiatan pertanian sekali gus mengurangkan eksport dan keadaan bertambah buruk apabila berlaku peperangan Rusia-Ukraine.

"Peperangan itu memberi ancaman kepada penghantaran sebahagian tanaman ruji dunia sekali gus menyebabkan inflasi makanan menjadi semakin buruk. Kebimbangan tidak cukup bekalan makanan merupakan isu global bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia," katanya.

Beliau turut menyuarakan kebimbangan jika peperangan itu berpanjangan, kesan lebih buruk terhadap input pertanian boleh berlaku seperti kenaikan harga baja, racun dan sebagainya.

Bagaimanapun, Ismail Sabri berkata, Malaysia ketika ini mencatat kadar inflasi 2.2 peratus iaitu lebih rendah berbanding negara lain termasuk Amerika Syarikat (8.5 peratus), United Kingdom (7), Singapura (5.4), Australia (4.5) dan Indonesia (2.6).

Katanya, masalah dihadapi Keluarga Peladang terutama dalam situasi dunia sekarang yang mengakibatkan peningkatan kos bahan mentah akan sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan.

Ismail Sabri juga berkata, kerajaan mahu Nafas dan Lembaga Pertubuhan Peladang melaksanakan anjakan paradigma bagi memastikan negara mempunyai bekalan makanan yang mencukupi.

Beliau berkata, arahan sama diberikan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan supaya menyediakan pelan jangka panjang dan pendek bagi mengelakkan berlaku krisis makanan di negara ini.

Perdana Menteri turut menggesa Nafas agar memberi 'nafas' baharu kepada sektor makanan berasaskan pertanian melalui penerapan teknologi tinggi dan pendigitalan bagi meningkatkan pengeluaran sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

Beliau juga menarik perhatian hadirin dengan pengumuman bahawa kerajaan bersetuju menghapuskan permit import (AP) bagi membawa masuk bahan asas makanan dari negara luar yang berkuat kuasa serta-merta.

"Ini membolehkan semua pihak mengimport bahan asas makanan ke Malaysia tanpa dimonopoli oleh golongan tertentu atau kartel yang akhirnya memanipulasi harga," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	HARIAN METRO.COM	ONLINE	

## Tiada AP untuk import bahan makanan-PM Ismail Sabri



DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob menjawab pertanyaan para pengamal media pada Sambutan Aidilfitri bersama warga JPM di Puspanitapuri hari ini. FOTO Bernama

Putrajaya: Kerajaan bersetuju untuk tidak mengenakan permit import (AP) bagi mengimport sebarang bahan makanan berkuat kuasa serta merta, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Kabinet yang dipengeruskannya hari ini, bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

"Ini akan membolehkan semua pihak untuk mengimport sebarang bahan makanan ke negara ini," katanya kepada media ketika menghadiri majlis sambutan Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Puspanitapuri di sini.

Kata beliau, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) akan mengumumkan butiran lanjut berhubung AP untuk import bahan makanan itu.

"Dulu ada AP daging dan lembu, mulai hari ini tidak ada lagi dan sesiapa sahaja boleh import apa sahaja bahan makanan dari negara luar untuk pastikan cukup bekalan," katanya.

## MAFI diminta percepat bayaran subsidi kepada penternak



ISMAIL Sabri Yaakob ketika hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri 2022 di Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diminta menyejajarkan pembayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen kepada penternak sebagaimana dijanjikan kerajaan sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri [Ismail Sabri Yaakob](#) berkata, bagaimanapun Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang bermesyuarat sebelum ini dimaklumkan oleh MAFI bahawa kementerian itu belum menerima tuntutan pembayaran daripada pihak penternak.

“Jadi kita tak tahu salah siapa, jumlah yang dikeluarkan itu memang agak kecil berbanding dengan peruntukan yang disediakan. Kita minta supaya penternak menyejajarkan (tuntutan subsidi).

“Saya pun dapat laporan ada prosedur tertentu agak melewatkan jadi kita minta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan supaya mempercepat dari segi pembayaran,” katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Sambutan Aidilfitri Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri 2022 “Semarak Aidilfitri, Keluarga JPM dirai”, di sini, hari ini.



KERATAN laporan muka depan Utusan Malaysia.

*Utusan Malaysia* melaporkan, sekumpulan kartel industri ternakan ayam didakwa merancang menutup ladang ternakan pada Sabtu dan Ahad ini sebagai protes kepada kerajaan yang dikatakan lambat melakukan bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen.

Penutupan itu bukan sahaja bakal meningkatkan harga ayam di pasaran manakala pengguna pula perlu berebut mendapatkan bekalan yang dicatu oleh mereka malah turut menjejaskan operasi perniagaan pembekal.

Sumber dalaman industri memberitahu *Utusan Malaysia*, tindakan yang didalangi sebuah persatuan itu dipercayai dalam perancangan untuk dilaksanakan dalam dua hari tersebut bagi memboikot kerajaan.

Malah satu pekeliang yang dikeluarkan semalam oleh sebuah syarikat ladang ternakan di Melaka kepada pembekal memaklumkan bekalan ayam akan dihentikan pada 21 hingga 22 Mei ini atas alasan ‘masalah-masalah ayam di ladang ternakan’.

Menurut sumber tersebut, strategi lama ‘tangan hitam’ itu mencatu ayam di dalam pasaran sebelum ini telah gagal hingga mereka mengambil keputusan menutup ladang-ladang ayam.



Ditanya kebimbangan jika penternak benar-benar bertindak menutup operasi ladang mereka pada Sabtu dan Ahad ini, Ismail Sabri berkata, perkara itu diserahkan kepada pihak MAFI untuk menanganinya.

“Kita serah kepada MAFI,” katanya.

Februari lalu, kerajaan memutuskan pemberian subsidi ayam dan telur kepada penternak di seluruh negara untuk tempoh empat bulan sehingga 4 Jun ini melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM528.52 juta.

Pemberian subsidi itu melibatkan sebanyak 60 sen bagi setiap kilogram dengan mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 per kilogram dan harga runcit ayam bulat standard sebanyak RM8.90 per kilogram, selain pemberian subsidi sebanyak 5 sen bagi setiap biji untuk semua jenis kategori telur. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	BERITA HARIAN.COM	ONLINE	

## Kerajaan mansuh serta-merta AP bahan makanan



PUTRAJAYA: Kerajaan bersetuju memansuhkan keperluan permit import (AP) terhadap bahan makanan berkuat kuasa serta-merta, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat pada mesyuarat Kabinet yang dipengerusikannya hari ini bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi hari ini.

Dengan pemansuhan keperluan berkenaan, katanya, sesiapa sahaja boleh mengimport makanan ke negara ini sebagai antara usaha menangani isu keselamatan makanan.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengumumkan secara terperinci tetapi kita setuju tadi tiada lagi AP untuk bahan makanan.

"Kita buka kepada sesiapa sahaja mengimport makanan ke negara ini.

"Kalau dulu ada bermacam-macam AP, mulai hari ini tiada AP diperlukan. Sesiapa sahaja boleh mengimport makanan untuk memastikan kita cukup bahan makanan," katanya kepada pemberita pada Majlis Sambutan Aidilfitri Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri 2022 "Semarak Aidilfitri, Keluarga JPM Dirai", di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Ismail Sabri berkata, kerajaan sudah meminta MAFI mengemukakan segera cadangan jangka pendek dan panjang bagi memastikan perang di Ukraine tidak memberi kesan besar terhadap keselamatan makanan negara.

Beliau berkata, kerajaan sedar seluruh dunia bimbang dengan kesan perang memberi impak terhadap bekalan makanan.

"Semua pihak diminta menunggu pengumuman MAFI membabitkan AP," katanya.

Mengenai ugutan penternak ayam menutup ladang ternakan hujung minggu ini tanda protes kelewatan kerajaan membayar subsidi harga ayam, Perdana Menteri meminta mereka segera membuat tuntutan terhadap subsidi 60 sen sekilogram bagi ternakan ayam.

Katanya, kerajaan dimaklumkan kementerian terbabit masih menunggu tuntutan berkenaan daripada penternak.

"Jadi saya tak tahu salah siapa. Jumlah yang dikeluarkan agak kecil berbanding peruntukan. Kita minta penternak menyegerakan membuat tuntutan.

"Saya dapat laporan ada prosedur tertentu yang agak melewatkan. Justeru, kerajaan meminta MAFI mempercepatkan proses tuntutan," katanya.

### Kemajuan tidak dapat dicapai jika amalan rasuah berleluasa

**MAFI** dan PDRM telah berunding untuk memuktamadkan perjanjian kerjasama dalam menangani rasuah. Kedua-dua agensi ini akan bekerjasama dalam menangani rasuah di peringkat negeri.

Perundingan ini telah berlangsung selama beberapa minggu dan berakhir dengan perjanjian kerjasama yang ditandatangani oleh kedua-dua agensi ini.



Anggota MAFI dan PDRM telah berunding untuk memuktamadkan perjanjian kerjasama dalam menangani rasuah di peringkat negeri.

### Benjar penuh, PPS di Kuala dan Negri Sembilan ditutup

**MAHA** dan PPS telah mengumumkan bahawa PPS di Kuala Lumpur dan Negri Sembilan telah ditutup kerana Benjar penuh.

## MAFI sasar SMART SBB di 150,000 hektar kawasan padi

Usaha menjamin sekuriti makanan melalui transformasi sistem makanan

**PUTRAJAYA**, Kementerian Pertanian dan Negeri Melayu (MAFI) mengumumkan bahawa pihaknya akan melaksanakan program Smart Rice (SMART) di kawasan padi seluas 150,000 hektar di seluruh negara secara berperingkat.



SMART akan dilaksanakan di kawasan padi seluas 150,000 hektar di seluruh negara secara berperingkat.

MAFI akan melaksanakan program SMART di kawasan padi seluas 150,000 hektar di seluruh negara secara berperingkat.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi dan memastikan pemenuhan keperluan makanan rakyat.

Program ini bermaksud meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi dan memastikan pemenuhan keperluan makanan rakyat.

Program ini bermaksud meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi dan memastikan pemenuhan keperluan makanan rakyat.

### Melaka berparti (M) pusat pengendalian bidadaya dan warden serantau Ombak Besar

**MELAKA**, berparti (M) pusat pengendalian bidadaya dan warden serantau Ombak Besar telah dibuka.

Pusat ini akan menguruskan bidadaya dan warden di seluruh negeri Melaka.

### AKSB sangkal dakwaan telaga jejeri gagal

**KUALA LUMPUR**, Agensi Kawat Bersejarah (AKSB) sangkal dakwaan bahawa telaga jejeri gagal.

AKSB menegaskan bahawa telaga jejeri ini adalah projek yang berjaya.



Pengerusi Lembaga Gabenor USM KETUAL senarai penerima darjah kebesaran Perlis.

### 340 kes jenayah maritim direkodkan Jan-April 2022

**PUTRAJAYA**, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APM) melaporkan bahawa 340 kes jenayah maritim direkodkan dari Januari hingga April 2022.

APM menegaskan bahawa kes jenayah maritim ini menunjukkan peningkatan.

### Pengerusi Lembaga Gabenor USM KETUAL senarai penerima darjah kebesaran Perlis

**MAHA** Pengerusi Lembaga Gabenor USM KETUAL telah mengumumkan senarai penerima darjah kebesaran Perlis.

Senarai penerima darjah kebesaran Perlis ini termasuk beberapa tokoh masyarakat.

Senarai penerima darjah kebesaran Perlis ini termasuk beberapa tokoh masyarakat.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	HARAKAH		32



**ZIARAH...**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh menziarahi Legenda Bola Sepak Kelantan, Hashim Mustapha di Kota Bharu pada Isnin 16 Mei. Hashim keuzuran sejak beberapa bulan lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	HARAKAH	PERIKATAN NASIONAL	15

# Penilaian terhadap semua IPD di seluruh negara

**BEUFORT:** Penilaian akan dibuat terhadap semua Ibu Pejabat Polis (IPD) di seluruh negara bagi memberi perkhidmatan yang terbaik untuk memenuhi keperluan semasa.

Menteri Dalam Negeri Dato' Seri Hamzah Zainudin berkata, penilaian tersebut berdasarkan beberapa kriteria termasuk kepadatan penduduk.

Selain itu katanya turut mengambil kira bilangan anggota untuk menjaga keselamatan.

"Tetapi, bila sampai satu

tahap kita lihat ia perlu dinaikkan maka kita naikan," katanya lapor Sabah-Media selepas merasmikan Pesta Kaamatan peringkat Daerah Kuala Penyu di sini baru-baru ini.

Hamzah berkata, penilaian itu juga turut melibatkan naik taraf status balai-balai di bawah IPD.

Kata beliau juga pihaknya akan berbincang dengan Ketua Menteri Sabah mengenai tapak sesuai bagi membina Pusat Latihan Polis (Pulapol) yang kedua di Sabah.

Manakala pada catatan di laman sosial katanya beliau kagum dijemput merasmikan Pesta Kaamatan Daerah Kuala Penyu 2022.

"Terima kasih kepada pihak penganjur dan Adun Kuala Penyu Dato' Limus Jury. Saya berasa amat kagum dan bangga dengan keunikan budaya yang ada di Sabah.

"Juga kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato' Seri Dr Ronald Kiandee yang jemput saya merasai sendiri keunikan budaya masyarakat Kadazan-Dusun-Murut di Sabah.

"Kegembiraan jelas terpancar pada wajah pengunjung membuktikan mereka mengetepikan segala perbezaan untuk bersama meraikan kejayaan menuai hasil tanaman masing-masing," ujarnya.

Menurutnya juga pesta itu mempunyai tarikan kelas dunia dan berpotensi menjadi platform utama menarik perhatian dunia melabur di Sabah.



**Hamzah Zainudin merasmikan Pesta Kaamatan peringkat Daerah Kuala Penyu.**

## Yeah: AP removal likely to result in adequate supplies and lower prices

> FROM PAGE 1

"It is a timely and bold move. Besides enabling imports that will ensure adequate supplies as well as lower prices, its removal will also enhance the country's investment environment. The extent of how much and which food prices will be lowered will depend on the existing profit margins and the extent in which the new importers can secure cheaper imports.

"There could be some lagged effects due to industry adjustments but over time, competition will drive down profit margins and results in lower prices," Yeah told StarBiz.

The top five food items which are high on the import list include round cabbage, old coconut seeds, liquid milk, chicken parts and rice, according to executive director of the Socio Economic Research Centre Lee Heng Gui.

The products will potentially also see an immediate cooling of upward price pressures in the local market.

"There appears to be a lack of clarity on the removal of the APs. Is this a temporary stop-

gap measure or permanent? The liberalisation of AP in the food sector will help to ease the tight supply situation especially during peak demand periods to moderate price pressures.

"But, the global supply disruptions and shocks will still drive prices higher in the longer term. The weak ringgit also raises the cost of imported food items locally," Lee said.

Yeah said the local industries would potentially be able to take advantage of the established grocers to import food items which are free from the additional costs associated with the imposition of the APs previously.

"This will be the case for companies to import directly if they have the resources and network. In a free market, the industry response and market adjustments are welcomed to foster a more dynamic and competitive economy which, over time, will lead to supply and demand shocks.

"The immediate effect to this will be an increase in the import quantities of food products. It will also help to enhance the country's food security through the diversifi-

cation of import sources," Yeah added.

However, he also highlighted that Malaysia should endeavour to be self-reliant in terms of food sources.

"It's best to depend on domestic production. Hence, looking at a judicious balance between self-sufficiency and import dependency will need to be part of the food security blueprint moving forward," Yeah said.

Bank Islam chief economist Mohd Atanizam Abdul Rashid said the country should aspire to be self-sufficient in terms of food security.

"However, this may take some time to materialise. Measures that could facilitate the procurement of food in the most efficient and effective manner are welcomed as they can help address any food-shortage situation in the short term.

"Nevertheless, any form of liberalisation that can facilitate the trade for foodstuff is lauded. In particular, if the move would open up more business opportunities to our local entrepreneurs since the country has been importing food for local consumption," he said.

In 2020, it was reported that Malaysia's food import bill was at RM55.5bil. It is also said that the prices of some imported products were higher compared with other countries due to the limited sources of imports and requirement of APs.

The Russia-Ukraine war has sparked the potential of a global food shortage. As a result, some countries have started to ban the exports of food items like wheat from India and palm oil from Indonesia.

India is the second biggest producer of wheat while Russia and Ukraine are the third and 10th biggest wheat producers in the world, according to the World Population Review.

Recent reports indicated that Russia had implemented a partial ban on its wheat exports to the Eurasian Economic Union countries while Ukraine had also banned wheat exports to protect its own food security during the war.

Among other countries which have implemented a temporary or partial ban of their food exports are Argentina, Egypt, Iran, Kosovo and Turkey.

# 'Anyone can import food'

PM: Lifting AP requirement will ensure local supply is sufficient

By MAZWIN NIK ANIS  
mazwin@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** There will be sufficient food supply in the country now that the Approved Permit (AP) requirement to import foodstuff has been lifted.

The issue of food security was discussed in the Cabinet meeting yesterday and the Agriculture and Food Industry Ministry was ordered to come up with measures to ensure the supply would not be affected by the Russia-Ukraine war, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said.

The Prime Minister said with the latest Cabinet decision, which takes immediate effect, anyone can now import food.

"If previously an AP was needed to import beef, now it is not required. With immediate effect, anyone can bring any foodstuff to ensure we have enough supply," he told reporters at the Prime Minister's Department Hari Raya gathering.

He said the effects of the Russia-Ukraine war on food supply was a



**Enjoying the festivities:** Ismail Sabri mingling with participants at the Hari Raya Aidilfitri gathering in Putrajaya. — Bernama

cause of concern not just for Malaysia but for all countries.

"This is why we have come to this decision," he said.

At the same time, Ismail Sabri said domestic food production would remain high with measures put in place by the ministry. The measures will be presented to the Cabinet soon.

On threats by a cartel planning to

close poultry farms this weekend over unpaid subsidies, Ismail Sabri said the ministry had been directed to expedite payment.

"I have received a report that certain procedures have resulted in late payments and I want this to be looked into.

"The ministry said it was still waiting for farmers to submit their claims. I call on farmers to put in

their claims so payments can be made," he said.

According to a report, the cartel was planning to close poultry farms this Saturday and Sunday as a sign of protest to the government, allegedly for late payment of the 60sen per chicken subsidy.

The closure threat would have drastically cut supply and led to a hike in chicken prices.

At a separate event, Ismail urged the National Farmers' Organisation (Nafas) and the Farmers Organisation Authority to implement changes and paradigm shifts to ensure country has adequate food supply.

This included getting rid of middlemen who manipulated market prices, reported Bernama.

Ismail said this in his speech at a dinner before launching Nafas' 48th annual general meeting here.



For more stories:  
See StarBiz

## 160ha of NFC plot to be leased for corn cultivation

**SEREMBAN:** Once earmarked for beef production, part of the former National Feedlot Centre (NFC) in Gemas near here will be leased out to Selangor to grow grain corn for animal feed, says Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun.

The state government, through Menteri Besar Incorporated, will lease out 160ha to the Selangor Agricultural Development Corporation (PKPS) and the project would be carried out soonest, he added.

"We have agreed to form a joint venture with PKPS to grow grain corn and hope this will reduce our import bill.

"More states should do likewise so that we can, together, reduce our dependence on imports," he told reporters after chairing the state exco meeting here yesterday.

Last month, Selangor infrastructure, public utilities, modernisation of agriculture and agro-based industry committee chairman Izham Hashim said PKPS has managed to secure the services of a company with the experience of growing corn to produce chicken feed.

It was reported that prices of grain corn and soybean meal, the two main types of chicken feed, have increased by 13% and 11% respectively since January.

The rise in prices of chicken feed have also contributed to the increase in production costs, causing prices to go up.

In 2007, the state government through MBI leased 607.5ha for an integrated livestock farming and beef production facility called the NFC.

However, the project became embroiled in controversy for being poorly managed as noted in the Auditor-General's Report 2011 despite RM250mil soft loan.

## Removal of APs get the nod from all

By JOSEPH KAOS JR  
josekajsjr@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The government's decision to revoke the need for approved permits for food imports can lead to the removal of cartels and middlemen, and even help keep prices down.

Consumer groups and business owners have welcomed the move, saying it will prevent the manipulation of food prices and supply.

The Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) said it was a good decision and hoped there will now be sufficient food imported from other countries.

"Without the requirement of APs to import food, we can remove car-

tels or middlemen who manipulate the prices and supply of food products in the market," said chief executive officer Saravanan Thambirajah.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced yesterday that APs were no longer needed to import food into the country.

Saravanan said the government must now come up with good food security policies that will reduce Malaysia's reliance on imported food.

"We need to come up with policies that will make us self-sufficient in the future.

"This way, when issues come up in other countries which affect our imported food, we will not feel the pinch.

Saravanan said another issue the government needs to give attention to is that imported food is safe.

"With the removal of the AP requirement, anyone now can import food.

"Therefore, the government must ensure that the food imported into the country is safe for consumption," he said.

Datuk Ameer Ali Mydin, the managing director of the Mydin hypermarket chain, said the decision would make Malaysia appear as a business-friendly country.

"Hats off to the Prime Minister and the government for this move, which requires a lot of serious willpower.

"Now, all of us can go ahead and

import food and the playing field is level.

"The government's willingness to remove barriers to trade will make Malaysia look good in the eyes of investors," said Ameer, who is also president of the Bumiputera Retailers Association.

He added that it was better for the government to intervene less in businesses and allow market forces to decide price and supply of goods.

"Whether this move will solve the issue of price and supply, it might not happen immediately.

"Efficient entrepreneurs and businesses will do their best to solve whatever shortages wherever they can, because they are driven," said Ameer.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	HARIAN METRO	LOKAL	5

# Tiada AP bahan makanan

**Putrajaya:** Kerajaan bersetuju untuk tidak mengenakan permit import (AP) bagi mengimport sebarang bahan makanan berkuat kuasa serta-merta, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Kabinet yang dipengerusikannya semalam, bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

“Ini akan membolehkan semua pihak mengimport sebarang bahan makanan ke negara ini,” katanya.

Kata beliau, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) akan mengu-

mumkan butiran lanjut berhubung AP untuk import bahan makanan itu.

“Dulu ada AP daging dan lembu, mulai hari ini (semalam), tidak ada lagi dan sesiapa sahaja boleh import apa sahaja bahan makanan dari negara luar untuk pastikan cukup bekalan,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Malaysia mungkin mengalami krisis makanan yang teruk sekiranya pelbagai masalah seperti inflasi, kenaikan harga minyak, cuaca ekstrim, pandemik Covid-19 dan konflik antara Russia dan Ukraine berlarutan.

Sesiapa sahaja boleh mengimport bekalan itu, perincian akan diumumkan MAFI

# AP import makanan dimansuh – PM

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD. NOR

**PUTRAJAYA** – Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan bahawa kerajaan memutuskan untuk memansuhkan permit import (AP) bagi bahan makanan berkuat kuasa semalam.

Menurut beliau, ini bermakna sesiapa sahaja boleh mengimport bahan makanan bagi memastikan bekalaninya mencukupi di negara ini.

Beliau berkata, perincian mengenai perkara tersebut akan diumumkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kita buka kepada sesiapa sahaja untuk mengimport bahan makanan untuk masuk ke negara kita.

"Jadi kalau dahulu ada AP lembulah, daging dan macam-macam lagi, mulai hari ini (semalam), tiada AP lagi diperluaskan berkuat kuasa serta-merta," katanya kepada pemberita di sini semalam.



**ISMAIL SABRI** (dua dari kiri) semasa melawat geral hidangan pada Majlis Sambutan Aidilfitri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri 2022 di Dewan De'Seri Endon, Pusanitapur, Putrajaya semalam. – FAISOL MUSTAFA

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri Ber-

sama Warga Jabatan Perdana Menteri 2022 di Dewan De'Seri

Endon, Pusanitapur di sini. Pada masa sama, Ismail Sabri

berkata, Kabinet turut memutuskan bahawa MAFI perlu mengambil tindakan segera bagi menangani isu kos sara hidup yang sukar untuk dielakkan ketika ini.

Beliau berkata, isu berkenaan tidak hanya menjejaskan negara ini, bahkan merupakan masalah global ekoran peperangan yang berlaku antara Rusia dan Ukraine.

"Kalau kita lihat dari segi inflasinya terus meningkat. Kita Malaysia sahaja masih kekal di paras 2.2 peratus. Negara lain seperti Amerika Syarikat dah sampai 8.7 peratus.

"Kesan daripada perang ini besar, kita minta daripada MAFI agar mengambil tindakan segera bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup yang meningkat," katanya.

Selain itu, menurut Ismail Sabri, MAFI juga diminta untuk mengemukakan segera cadangan jangka pendek dan panjang untuk memastikan kesan daripada perang itu tidak memberi kesan besar kepada bekalan makanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

# Mansuh serta-merta AP import bahan makanan

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahrzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan memansuhkan keperluan untuk permit import (AP) bagi bahan makanan berkuat kuasa serta-merta, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet yang dipengeruskannya semalam bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

Beliau berkata, dengan pemansuhan AP, sesiapa saja boleh mengimport bahan makanan ke negara ini dalam usaha menangani isu keselamatan makanan.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengumumkan butiran terperinci

berhubung AP untuk import bahan makanan itu, tapi kita setuju tiada lagi AP import untuk bahan makanan.

"Kita buka kepada sesiapa sahaja untuk mengimport makanan masuk ke negara kita.

"Kalau dulu ada bermacam-macam AP, mulai hari ini (semalam) tidak ada AP lagi diperlukan (untuk bahan makanan). Sesiapa sahaja boleh mengimport makanan dari luar untuk pastikan kita cukup bahan makanan," katanya kepada pemberita pada Majlis Sambutan Aidilfitri Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri 2022 "Semarak Aidilfitri, Keluarga JPM dirai" di sini, semalam.

Nasional 2



## MAFI diminta kemuka cadangan jangka pendek, panjang

Dari Muka 1

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Ismail Sabri berkata, kerajaan juga sudah meminta MAFI mengemukakan segera cadangan jangka pendek dan panjang bagi memastikan perang yang berlaku di Ukraine tidak memberi kesan besar terhadap keselamatan makanan negara.

"Bukan kita sahaja bimbang dengan kesan perang yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan.

"Kerajaan sedar seluruh dunia juga bimbang dengan kesan konflik Russia-Ukraine yang berlarutan, yang memberi impak terhadap bekalan makanan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan Malaysia mungkin mengalami krisis makanan yang teruk sekiranya pelbagai masalah seperti inflasi, kenaikan harga minyak, cuaca ekstrem, pandemik COVID-19 dan konflik antara Russia dan Ukraine berlarutan.

Setiap tahun Malaysia mere-

kodkan lebih RM50 bilion import bahan makanan asas, dengan barangan seperti beras 30 peratus, daging lembu (78 peratus), daging kambing (hampir 90 peratus) dan sayur kobis bulat (60 peratus).

Jumlah import makanan negara terus meningkat pada kadar purata 4.1 peratus setahun daripada RM45.3 bilion pada 2015 kepada RM55.4 bilion pada tahun lalu.

Lima jenis import bahan makanan utama bagi tahun lalu termasuk kopi, koko, teh dan rempah; bijirin; sayuran (RM5.1 bilion); bahan makanan ternakan (RM6.2 bilion) serta keluaran dan sediaan makanan lain (RM6.6 bilion).

Malaysia juga mengimport sayur-sayuran beriklim sederhana seperti gandum, bawang dan ubi kentang, selain buah-buahan.

Ditanya mengenai ugutan sekumpulan penternak ayam untuk menutup ladang mereka hujung minggu ini tanda protes kelewatan kerajaan membayar subsidi ayam, Perdana Menteri meminta penternak supaya segera membuat tuntutan untuk subsidi



Ismail Sabri bersama kakitangan pada majlis sambutan Aidilfitri Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri 2022 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Harzah/BH)

60 sen sekilogram seperti diumumkan sebelum ini.

Beliau berkata, kerajaan dimaklumkan Kementerian yang terbabit masih menunggu tuntutan berkenaan daripada penternak.

"Jadi saya tak tahu salah siapa. Jumlah yang dikeluarkan (setakat ini) agak kecil berbanding peruntukan. Kita minta penternak menyegerakan (membuat tuntutan).

"Saya pun dapat laporan ada prosedur tertentu yang agak lewatkan. Justeru, kita minta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mempercepatkan (proses tuntutan)," katanya.

## Projek ternakan lembu NFC diganti jagung bijirin

### MBI, PKPS jalin kerjasama usaha tanaman mulai tahun ini

Oleh Mohd Amin Jalil  
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Kerajaan negeri menerusi Menteri Besar Diperdanakan (MBI) akan membangunkan tapak projek ternakan lembu National Feedlot Corporation (NFC) terbengkalai dekat Gemas, dengan tanaman jagung bijirin.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata projek itu akan dilaksanakan dengan usahawan kerajaan Negeri Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan dijangka akan dimulakan tahun ini.

Beliau berkata, buat permulaan projek tanaman jagung itu akan membabitkan kawasan seluas kira-kira 160 hektar daripada keseluruhan lebih 600 hektar tanah yang terdapat di kawasan berkenaan.

Katanya, ini adalah projek tanaman jagung bijirin yang dianggap terbesar yang akan dilaksanakan di Negeri Sembilan.

"Buat projek lembu pun tak jadi, adalah lebih baik kita cuba

majukan dengan projek lain seperti tanaman jagung bijirin.

"Tanah berkenaan adalah milik MBI dan projek ini dilaksanakan dengan usaha sama PKPS dan yang pertama dilakukan dengan agensi itu.

"Perjanjian persefahaman antara MBI dengan PKPS bagi menjayakan projek itu dilakukan di Shah Alam, hari ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan EXCO di Bilik Gerakan Wisma Negeri di sini, semalam.

Aminuddin berkata, walaupun kawasan yang terbabit dengan projek tanaman jagung bijirin itu tidak besar, kerajaan negeri berasakan usaha ke arah menghasilkan sendiri jagung berkenaan perlu dimulakan segera.

"Usaha menanam jagung bijirin ini adalah antara langkah untuk menghasilkan sendiri jagung bijirin dalam negara untuk dijadikan makanan ternakan terutama ayam.

"Ja sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kita atau negara kepada jagung bijirin yang diimport dari beberapa negara luar," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri berusaha ke arah memperbanyakkan lagi projek pengeluaran makanan untuk keperluan rakyat, sebagai langkah mengelak sebarang krisis bekalan makanan pada masa hadapan.

Katanya, krisis kekurangan be-

Usaha menanam jagung bijirin ini adalah antara langkah untuk menghasilkan sendiri jagung bijirin dalam negara untuk dijadikan makanan ternakan terutama ayam.

Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan

kalan bahan makanan dilihat sudah berlaku di beberapa negara di mana terdapat negara tertentu yang mengeluarkan produk makanan untuk keperluan sendiri dan bukannya diekspor ke negara lain.

"Kita perlu bersiap sedia dari sekarang kerana kluatir krisis bekalan makanan boleh tercetus andai tiada persediaan awal dibuat yang akhirnya akan memberi kesan kepada kehidupan rakyat," katanya.

Justeru, tegas Menteri Besar, kerajaan negeri sedang memberi


fokus ke arah itu dengan melaksanakan beberapa projek termasuk antaranya melaksanakan ternakan ikan air tawar di Gemas membabitkan kawasan kolam terbiar seluas 40 hektar.

"Kita memberi galakan kepada usahawan tempatan dan syarikat besar untuk mengusahakan projek pengeluaran makanan terutama tanaman kontang yang boleh memberi manfaat secara langsung kepada rakyat," katanya.

Untuk rekod, menerusi Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9), kerajaan meluluskan peruntukan RM80 juta untuk membangunkan Program Feedlot Nasional iaitu RM40 juta untuk NFC di Gemas dan selebihnya bagi pembangunan ladang satelit fildot di seluruh negara.

Statistik ketika itu mendapati pengeluaran daging lembu dalam negara masih pada tahap rendah dengan kadar sara diri pengeluaran daging lembu dianggarkan hanya 23 peratus pada 2005.

NFC adalah selaras usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Dasar Pengeluaran Daging Lembu Negara untuk meningkatkan populasi ternakan lembu kepada 1.3 juta ekor dan meningkatkan pengeluaran daging lembu daripada 18 peratus kepada 28 peratus kadar sara diri dengan pengeluaran sebanyak 45,000 tan metrik daging pada 2010.



Peniaga mula mengenakan caj pematongan ayam di sebuah pasar di Kempas, Johor. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

# Peniaga kenakan upah potong ayam RM1.10 sekilogram

## Pengguna tanggung caj tambahan susulan peningkatan harga bahan mentah

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Peniaga ayam segar di sekitar bandar raya ini dikesan mula mengenakan caj tambahan untuk upah potong pada kadar RM1.10 sekilogram, susulan peningkatan harga bahan mentah itu di pasaran.

Tindakan itu menyebabkan pengguna terpaksa menanggung kos tambahan apabila setiap ekor ayam segar dibeli berharga sekurang-kurangnya RM10 setiap kilogram (kg), berikutan saiz ayam dijual ketika ini antara 2.1 hingga 2.5 kg setiap ekor.

Tinjauan di pasar basah di Kempas, di sini, mendapati walaupun peniaga memasang papan tanda harga ayam mengikut harga kawalan ditetapkan iaitu RM8.90 sekilogram, terdapat nota tambahan di bahagian bawah papan tanda itu tertera 'upah potong RM1.10 per kg' dengan tulisan kecil.

Seorang pengguna, Azura Md

Amin, 35, berkata beliau terkejut apabila terdapat peniaga mengenakan upah memotong ayam sedangkan khidmat itu sebelum ini diberikan secara percuma apabila membeli bahan mentah itu.

"Hari ini saya lihat beli dua ekor ayam selepas melihat tanda harga RM8.90 sekilogram mengikut harga kawalan, berbanding peniaga lain yang menetapkan harga sehingga RM10.50 sekilogram.

"Namun, saya terkejut apabila ayam sudah siap dipotong, peniaga menyatakan harga untuk dua ekor ayam adalah RM44. Apabila ditanya peniaga menunjukkan nota upah potong RM1.10 pada papan tanda harga," katanya.

Azura yang mengakui terkejut berkata, sebagai peniaga dia tidak kisah membayar caj tambahan termasuk untuk kos pematongan ayam jika dimaklumkan lebih awal.

"Peniaga seharusnya memaklumkan pembeli dahulu jika ada caj lain dikenakan bagi pembelian ayam supaya pengguna boleh membuat pilihan.

"Pengguna faham peniaga juga menerima bahan mentah dengan harga mahal dan terpaksa menanggung kos operasi tinggi, namun blarlah tanda harga ditulis secara jelas dan dapat dilihat pembeli," katanya.

Selain mengenakan kos tambahan untuk caj potong, ada juga

segelintir peniaga ayam segar di bandar raya dikesan sengaja tidak meletakkan tanda harga pada bahan mentah berkenaan yang dijual di kebanyakan pasar basah di sini.

Tinjauan di pasar basah di Tampoi, Kempas dan Pandan, di sini, semalam sebagai contoh mendapati kebanyakan peniaga ayam segar tidak meletakkan sebarang tanda harga, malah ada juga papan tanda dibiarkan kosong atau ditampal kertas lain.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Pengerusi Pengguna Johor, Md Salleh Sadijo, berkata tindakan peniaga ayam segar yang mula mengenakan upah pematongan itu difahami berikutan harga bahan mentah itu semakin melonjak.

Bagaimanapun katanya, peniaga perlu memaklumkan pembeli selain meletakkan notis dengan jelas supaya pembeli faham dan tidak terkeliru.

"Beberapa pasar raya besar memang sudah mula mengenakan caj pematongan secara berasingan walaupun sebelum ini caj untuk itu tidak dikenakan.

"Pembeli rasanya faham tentang kesempatan peniaga dan tidak kisah untuk bayar caj pematongan berasingan, tetapi ia perlu dimaklumkan atau ditulis pada papan tanda harga bagi membolehkan pengguna berbebanja mengikut peruntukan masing-masing," katanya.

## Pembeli keliru tiada tanda harga

**Kota Bharu:** Kebanyakan peniaga ayam di sini, tidak meletakkan tanda harga kerana mendakwa mereka masih keliru dengan harga siling sebenar ditetapkan pihak berkuasa.

Tinjauan di Pasar Berek 12 dekat sini, mendapati kebanyakan peniaga ayam segar tidak memamerkan harga ayam sekilogram yang dijual sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembeli mengenai harga sebenar ayam yang dijual.

Mereka hanya memaklumkan harga ayam apabila pembeli bertanyakan harga bagi sekilogram barangan keperluan terbabit.

Peniaga, Rogayah Samad, 52, mengakui dia adalah di antara peniaga ayam yang tidak memamerkan tanda harga, namun mendakwa berbuat demikian disebabkan tidak mendapat maklumat tepat mengenai harga siling ayam yang sebenar.

"Sejak awal Aidilfitri lalu, saya menjual ayam dengan harga RM10.50 sekilogram memandangkan mendapat harga mahal da-

ripada pihak pemborong, sekali gus menyebabkan saya terpaksa menaikkan sedikit harga ayam untuk mendapatkan untung.

"Pada masa sama, saya juga difahamkan bekalan ayam turut mengalami kekurangan yang mungkin sedikit sebanyak memberi kesan kepada kenaikan harga ayam pada masa kini," katanya ketika ditemui semalam.

Bagi Rokiah Salleh, 65, pula mendakwa dalam keadaan sekarang harga ayam tidak menentu dan mengalami naik turun harga sehingga menyebabkannya dia sendiri berasa keliru apatah lagi pelanggan.

Sementara itu, pembeli, Ahmad Fikri Abdullah, 30, mendakwa turut terkesan dengan isu harga ayam yang semakin mahal sehingga membebankan golongan B40 sepeperinya.

"Bagi saya memamerkan harga barang adalah penting untuk membandingkan harga selain memudahkan urusan membeli agar ia mencukupi dengan bajet yang ada," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

# AP import makanan dimansuh

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan memansuhkan keperluan lesen import (AP) terhadap bahan makanan, berkuat kuasa serta-merta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan tersebut dibuat dalam mesyuarat Kabinet semalam sebagai langkah drastik menjamin keselamatan dan bekalan makanan di negara ini.

Menurut beliau, dengan pe-

mansuhan keperluan permit itu, ia bermakna sesiapa sahaja boleh mengimport makanan ke negara ini, berbanding kemes-tian AP.

“Saya percaya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan umum secara terperinci tapi kita setuju tadi tiada lagi AP import untuk bahan makanan. Kalau dulu ada AP lembu, AP daging, AP macam-macam, mulai hari ini tidak ada AP lagi.

**Bersambung di muka 4**

## Jamin keselamatan, saya sedia jumpa Jakim - Abdullah

**PETALING JAYA:** Walaupun diancam ugutan, individu dikenali sebagai ‘Abdullah’ yang mendedahkan isu loji penyembelihan halal di Australia bersedia untuk

tampil membantu siasatan pihak berkuasa termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

**Bersambung di muka 2**

Minda  
Pengarang

NIZAM ABDUL HAMID



## Mansuh AP import makanan jamin bekalan berterusan

SEMALAM Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan keputusan besar kerajaan dalam menjamin bekalan makanan yang berterusan untuk negara iaitu memansuhkan permit import (AP) makanan.

Sebelum ini beberapa jenis makanan tertentu seperti daging, ayam dan bijirin tertakluk kepada kelulusan AP daripada kerajaan untuk dibawa masuk ke Malaysia. Langkah itu bertujuan mengawal kemasukan makanan tersebut dan juga memastikan piawaian tertentu dipatuhi.

Import makanan bagi memenuhi keperluan rakyat itu melibatkan angka yang begitu besar misalnya daging RM4.2 bilion, hasil tenusu RM4.9 bilion, ikan RM5.3 bilion dan bijirin RM8.8 bilion.

Sebahagian daripada makanan tersebut dikeluarkan oleh rakyat tempatan namun ia tidak mencukupi dan memerlukan import dari negara lain. Malah pergantungan makanan dari negara asing seperti tidak boleh lagi disekat.

Namun kekurangan bekalan dan peningkatan harga yang berterusan menyebabkan kerajaan terpaksa melihat semula keperluan AP. Walaupun subsidi terus diberi dan ditambah, masalah barangan keperluan itu tidak selesai juga.

Selepas ini siapapun boleh membawa masuk dan berniaga makanan dari negara luar tanpa memerlukan AP. Langkah itu dilihat dapat mengatasi masalah monopoli atau juga penguasaan kartel dalam industri tersebut. Ini mungkin perkara yang baik daripada pemansuhan AP tersebut.

Namun di sebalik pemansuhan AP yang diharap dapat menjamin bekalan makanan berterusan, wujud juga kebimbangan dalam kalangan petani tempatan yang mungkin terancam dengan kemasukan makanan import tersebut.

Masalah lambakan mungkin berlaku, selain produk kurang berkualiti dan tidak mematuhi peraturan seperti racun dan baja yang mengancam manusia. Ia pernah berlaku pada tanaman cili tempatan yang diancam lambakan cili dari Vietnam.

Malah buah-buahan tempatan seperti durian, rambutan, mangga juga mungkin terancam pasarannya dengan kemasukan buah-buahan dari negara jiran kerana tiada lagi keperluan AP untuk membawanya masuk ke negara ini.

Keadaan itu mungkin menyebabkan petani tidak lagi berminat untuk bersaing di pasaran sekali gus meninggalkan sektor tersebut.

Kebimbangan itu wajar dilihat oleh kerajaan kerana negara tidak boleh selamanya bergantung kepada negara lain kerana apa yang terjadi dalam Perang Russia-Ukraine wajar menjadi iktibar apabila pengeluaran gandum di kedua-dua negara itu terjejas.

Kesannya sudah mula dirasakan apabila tepung gandum sukar diperolehi di sesetengah negeri kerana masalah bekalan.

Nizam Abdul Hamid ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

## Jamin keselamatan, saya sedia jumpa Jakim - Abdullah

Dari muka 1

Walau bagaimanapun, dia menetapkan syarat kepada pihak berkuasa termasuk jaminan keselamatan membabitkan diri dan keluarganya.

Dia juga bersedia berjumpa mana-mana pihak berkuasa termasuk Jakim pada bila-bila masa serta di mana jua.

"Saya tidak takut dengan sesiapa sahaja. Saya ada keluarga dan ibu bapa serta sebagai muslim saya ikut segala ajaran Allah SWT.

"Jika Jakim mahu bertangjawab berkenaan keselamatan saya, saya sedia bertemu mereka di mana sahaja dan di mana jua," katanya dalam sidang akhbar secara dalam talian bersama Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Peke-mas), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Sahaba 99 di sini semalam.

Sebelum ini, bekas pekerja sebuah rumah penyembelihan di Australia dikenali sebagai Abdullah membuat pengakuan terbuka dengan mendakwa ada bukti rakaman video cara sembelihan haiwan di situ yang melanggar protokol sebagaimana didedahkan *Utusan Malaysia* sejak 14 April lalu.

Ekoran itu, Jakim dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menggantung lesen loji sembelihan Thomas Foods International (TFI) Lobethal di Australia susulan isu penyembelihan yang meragukan itu



MADZIM Johan dalam sidang akhbar isu Integriti Halal Malaysia-Australia. Turut serta, Presiden Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat, Faizan Mohd. Nor (kanan) di Jalan Ampang, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

sehingga satu hasil siasatan menyeluruh diperolehi.

Selain itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad kelmarin menggesa 'Abdullah' tampil ke hadapan bagi membantu siasatan isu berkenaan.

Dalam pada itu, 'Abdullah' berkata, dia menerima banyak panggilan telefon meragukan daripada individu tidak dikenali yang mendakwa diri mereka sebagai pegawai pihak berkuasa termasuk Jakim.

"Setakat ini saya telah menerima 11 panggilan yang tidak diketahui daripada lelaki yang mendakwa mereka dari Jakim dengan suara yang berbeza.

"Dua daripada 11 panggilan itu adalah wanita yang tu-

rut mendakwa juga daripada Jakim. Lalu, saya katakan kepada mereka jika tiada gambar nama, kad atau pengenalan diri, saya tidak akan bercakap dengan anda.

"Dia mahukan maklumat, jadi saya memberitahunya bahawa saya ingin mengesahkan dengan siapa saya bercakap. Kemudian saya sekali lagi meminta agar berikan nama dan kad pengenalan bergambar untuk mengesahkan dia berasal daripada Jakim, tapi tidak memberikannya," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Presiden PPIM, Datuk Nadzim Johan berkata, Kementerian Luar perlu membantu siasatan termasuk membawa 'Abdullah' ke negara ini dan berterusan Jakim.

19/5/2022

UTUSAN

DALAM

3

MALAYSIA

NEGERI

# MAFI diminta mempercepat bayaran subsidi penternak

**Oréh MAISARAH SHEKH RAHIM**

maisarahrahim@mediamajlis.com.my

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diarahkan mempercepat bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen kepada penternak sebagaimana dijanjikan kerajaan sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bagaimanapun Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) sebelum ini dimaklumkan oleh MAFI bahawa Kementerian itu belum menerima tuntutan pembayaran daripada pihak penternak.

"Jadi kita tak tahu salah siapa. Jumlah yang dikeluarkan itu memang agak kecil berbanding dengan peruntukan yang disediakan. Kita minta supaya penternak menyergerakan (tuntutan subsidi).

"Saya pun dapat laporan ada prosedur tertentu agak melawatkan. Jadi kita minta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan supaya mempercepat bayaran," katanya ketika pemberita ketika ditemui dalam Majlis Sambutan Aidilfitri Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri 2022 'Semarak Aidilfitri, Keluarga IPM dirai', di sini, semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan, sekumpulan kar-



**ISMAIL Sabri Yaakob ketika hadir dalam Majlis Sambutan Aidilfitri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri 2022 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

tel industri ternakan ayam didakwa merancang menutup ladang ternakan pada Sabtu dan Ahad ini sebagai protes kepada kerajaan yang dikatakan lambat melakukan bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen.

Peruntukan itu bukan sahaja bakal meningkatkan harga ayam di pasaran manakala pengguna pula perlu berebut mendapatkan bekalan yang diturut oleh mereka, malah turut menjejaskan operasi permia-

Sumber dalam industri memberitahu Utusan Malaysia, tindakan yang didalangi sebuah persatuan itu dipercayai dalam perancangan untuk dilaksanakan dalam dua hari tersebut bagi memboikot kerajaan.

Malah satu pekeliling yang dikeluarkan semalam oleh sebuah syarikat ladang ternakan di Melaka kepada pembekal memaklumkan bekalan ayam akan dihentikan pada 21 hingga 22 Mei ini atas alasan 'masalah-

Menurut sumber tersebut, strategi lama 'tangan hitam' itu mencatu ayam di dalam pasaran sebelum ini telah gagal hingga mereka mengambil keputusan menurup ladang-ladang ayam.

Ditanya kebingangan jika penternak benar-benar bertindak menutup operasi ladang mereka pada Sabtu dan Ahad ini, Ismail Sabri berkata, perkara itu diserahkan kepada pihak MAFI untuk menanganinya.

"Kita serah kepada MAFI," katanya.



# Dalang langgar protokol halal didedah

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI dan NUR AZMI NORDIN hafizyusoff@madiamula.com.my

**PETALING JAYA:** Bukti rakaman audio dan akaun bersumpah (SD) membabitkan dalang di sebalik pelanggaran protokol halal sebuah rumah penyembelihan di Australia didedahkan semalam.

Rakaman audio itu dipercayai merujuk kepada pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan membabitkan individu dikenali sebagai Mohamed Adil Rahman serta Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia (SICHMA).

Berdasarkan tiga butiran rakaman yang didedahkan, Mohamed Adil membuat pengakuan dia bertanggungjawab sebagai dalang menyalahkan beberapa agensi pensijilan halal asing daripada beberapa negara.

"Bila-bila masa anda dialu-alukan. Di kedutaan ini, banyak yang takut apabila mereka mahu datang. Semua orang ICCV. Moktha. apabila saya pergi ke sana, mereka berjanji kepada saya. Abang, dua minggu selepas Ramadan, mereka sudah tiada. Selepas dua minggu, mereka telah dinyah senarai. Semua orang tahu mengapa Adil Rahman boleh berkata 'oh yang ini dinyah senarai, oh yang ini dinyah senarai,' mereka tidak tahu siapa yang melakukannya," jelas audio tersebut yang didedahkan dalam sidang akhbar secara maya bersama Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas) dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) di sini semalam.

Rumah sembelih di Australia bakal 45% daging ke Malaysia tidak ikut syarat Islam

## Status halal meragukan

SEBUAH RUMAH SEMBELIH di Australia bakal 45% daging ke Malaysia tidak ikut syarat Islam. Pihak berkuasa halal Malaysia meragukan status halal daging yang akan diimport ke Malaysia. Pihak berkuasa halal Malaysia meragukan status halal daging yang akan diimport ke Malaysia. Pihak berkuasa halal Malaysia meragukan status halal daging yang akan diimport ke Malaysia.



Selain itu, satu lagi rakaman audio lain yang didedahkan turut menunjukkan Mohamed Adil bertindak seolah-olah 'abang besar' dan tidak boleh disentuh dengan mendakwa beliau faktor SICHMA diiktiraf badan pensijilan halal oleh beberapa negara asing.

Mohamed Adil turut menyebut nama seseorang di dalam Jakim dalam rakaman audio itu. Selain rakaman audio, lima akaun bersumpah (SD) turut didedah dengan membabitkan pekerja pusat sembelihan itu.

Antara isi kandungan SD itu adalah bagaimana Mohamed Adil mengarahkan pekerja melabelkan bangkai sebagai halal dengan menukar tag selain mendakwa beliau mempunyai hubungan kuat dengan agensi pensijilan dari Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Sebelum ini, bekas pekerja sebuah rumah penyembelihan di Australia membuat pengakuan secara terbuka yang mendakwa ada bukti rakaman video cara sembelihan haiwan di situ yang melanggar protokol

adalah benar sebagaimana didedahkan *Utusan Malaysia* sejak 14 April lalu.

Susulan itu, Jakim dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memutuskan untuk menggantung lesen loji sembelihan Thomas Foods International Lobethal di Australia susulan isu penyembelihan yang meragukan itu sehingga satu hasil siasatan menyeluruh diperolehi. Dalam pada itu, Presiden Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas), Faizan Mohd. Nor menggesa agar lesen SICHMA digantung serta-merta sehingga siasatan terperinci selesai dijalankan.

Menurutnya, langkah tersebut dibuat selepas kegagalannya sebagai badan halal yang diiktiraf Jakim untuk memantau Thomas Foods International Lobethal di Australia selain keraguan yang timbul membabitkan SICHMA, Jakim dan beberapa dalang lain termasuk individu dikenali sebagai Mohamed Adil Rahman.

# AP import makanan dimansuh

Dari muka 1

### INFO

Jenis-jenis makanan yang diimport berserta nilai import pada tahun 2021 bernilai **RM63.6 billion**.

- 1) Ternakan hidup (RM275 juta)
- 2) Daging dan sediaan daging (RM4.2 billion)
- 3) Hasil tenusu (RM4.9 billion)
- 4) Telur unggas (RM26.6 juta)
- 5) Ikan, krustasea, moluska dan sediaan (RM5.3 billion)
- 6) Bijirin dan sediaan bijirin (RM8.8 billion)
- 7) Sayur-sayuran (RM5.4 billion)
- 8) Buah-buahan (RM4.7 billion)
- 9) Gula, sediaan gula dan madu (RM4.6 billion)
- 10) Bahan makanan untuk temakan (RM7.7 billion)
- 11) Keluaran dan sediaan makanan lain (RM7.8 billion)
- 12) Produk kopi, koko, teh dan rempah bernilai RM9.5 billion

"Kita buka kepada sesiapa sahaja untuk mengimport makanan masuk ke negara kita. Sesiapa sahaja boleh mengimport makanan dari luar untuk pastikan kita cukup bahan makanan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui dalam Majlis Sambutan Aidilfitri Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri 2022 'Semarak Aidilfitri, Keluarga IPM dirai' di sini semalam.

Baru-baru ini, Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn Bhd, Mohamad Azlan Jaafar dalam kolom Minda Pengarangnya membangkitkan tentang Malaysia dalam bahaya berhubung food security.

Pada 2020, Malaysia mengimport produk makanan bernilai RM55.5 billion. Defisit import kepada eksport makanan naik paling pantas iaitu 24 peratus atau RM21.7 billion. Itu sama dengan bayaran khas RM500 Aidilfitri kerajaan selama 21 kali.

Dalam tempoh 10 tahun, kos terkumpul import makanan negara adalah RM482.8 billion atau tujuh kali ganda peruntukan pembangunan dalam bajet 2021. Malaysia kini terlalu bergantung kepada import walaupun negara ini subur dan jutaan ekar tanah tidak dimanfaatkan.

Negara mengimport daging kambing bernilai RM879.4 juta, mangga (RM87.9 juta), kelapa (RM266.1 juta) dan daging lembu (RM2.2 billion) pada tahun 2020.

Tahun lalu, Malaysia mengimport makanan berkaitan daging bernilai AS\$236 juta atau RM1 billion dari Australia.

Ismail Sabri berkata, Kabinet turut membincangkan dan mengarahkan MAFI mengambil tindakan segera dalam menangani kos sara hidup.

Jelas Perdana Menteri, bagaimanapun kenaikan kos sara hidup agak sukar untuk dielakkan kerana ia melibatkan fenomena global akibat daripada peperangan antara Russia dan Ukraine yang memberi kesan kepada seluruh negara dalam dunia.

Menurut beliau, berbanding negara lain, ia memberi implikasi dari segi peningka-

tan inflasi, namun Malaysia masih kekal di paras 2.2 peratus.

"Negara lain di Amerika Syarikat (AS) sudah 8.7 peratus (inflasi), kesan daripada perang ini besar dan kita minta supaya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengambil tindakan segera bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup yang meningkat.

"Dari segi jaminan keselamatan dan bekalan makanan pula, kita minta supaya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengemukakan segera cadangan jangka pendek dan jangka panjang untuk pastikan kesan daripada perang tidak memberi kesan kepada jaminan makanan di negara ini.

"Kita tahu seluruh dunia bimbang, bukan kita sahaja bimbang, seluruh dunia bimbang dengan kesan perang ini yang menyebabkan berlaku kekurangan dari segi bekalan makanan, jadi kita tunggu Kementerian tersebut untuk membuat pengumuman," katanya.

# Mansuh AP bunuh petani tempatan?

**PETALING JAYA:** Tindakan drastik kerajaan memansuhkan keperluan lesen import (AP) terhadap bahan makanan berkuat kuasa serta-merta boleh 'membunuh' petani dan penternak tempatan di negara ini.

Ketua Koordinator Forum Kedaulatan Makanan Malaysia, Nurfitri Amir Muhammad berkata, pemansuhan keperluan AP sememangnya wajar bagi mengelakkan sebarang monopoli syarikat tertentu.

Bagaimanapun, katanya, implikasi jangka masa panjang lebih besar apabila ia dijangka

memberi kesan yang teruk kepada petani dan penternak tempatan.

"Masalah yang sering terjadi kepada petani cili atau lada umpamanya dalam beberapa tahun lepas mereka tidak dapat menjual hasil sebab import terlalu banyak, begitu juga dengan isi penternak dan tanaman lain," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, memang harga makanan meningkat, tetapi kena berfikir panjang dan hati-hati dalam bertindak supaya tidak terus bergantung kepada import

kerana dikuatiri terus membunuh petani dan penternak.

"Apabila berlaku lambakan, yang akan rugi adalah petani dan penternak tempatan sebab biasanya barangan import lebih murah.

"Saya lebih bimbang melihat kesan jangka masa panjang kerana apabila petani dan penternak terhapus, tak berniaga dan keluar daripada pertanian, susah kita nak dapat petani baru. Dan apabila habis krisis, apa yang tinggal di Malaysia? Jadi kita akan sentiasa bergantung kepada import," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

Pelbagai pihak sambut baik langkah kerajaan untuk jamin bekalan, turunkan harga barang

# SOKONG HAPUS PERMIT IMPORT MAKANAN



- Mesyuarat kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Rabu bersetuju untuk memansuhkan permit import (AP) bagi membawa masuk bahan makanan berkuat kuasa serta-merta demi memastikan bekalan makanan negara mencukupi.
- Ismail sabri juga telah mengarahkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyediakan pelan jangka panjang dan pendek bagi mengelak berlakunya krisis makanan di negara ini susulan isu seperti konflik Rusia-Ukraine.
- Pakar menyifatkan pemansuhan AP bekalan makanan oleh kerajaan adalah langkah terbaik untuk melimpahkan pasaran dengan barangan yang lebih murah demi mengawal inflasi dan melawan kenaikan harga yang tidak munasabah.
- Setiap tahun Malaysia merekodkan lebih RM50 bilion import bahan makanan asas, dengan barangan seperti beras sebanyak 30 peratus, daging lembu (78 peratus), daging kambing (hampir 90 peratus) dan sayur kobis bulat (60 peratus).

## Pemansuhan AP bantu lawan inflasi, harga tak munasabah

**SHAH ALAM-** Pemansuhan permit import (AP) bekalan makanan oleh kerajaan adalah langkah terbaik untuk melimpahkan pasaran dengan barangan yang lebih murah demi mengawal inflasi dan melawan kenaikan harga yang tidak masuk akal.

Penganalisis Ekonomi daripada Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Profesor Madya Dr Baharom Abdul Hamid berkata, langkah itu juga dapat memastikan negara mendapat bekalan mencukupi bagi barangan makanan yang Malaysia tidak mempunyai kelebihan seperti ayam, daging,

tepung dan kelapa.

Menurutnya, buat masa ini kerajaan perlu memasukkan barangan makanan ke pasaran dengan lebih banyak agar harganya lebih murah untuk pengguna.

"Apa yang berlaku sekarang ialah harga agak melambung. Demi untuk melawan ini, kita kena 'lambakkan pasaran' dan masukkan barangan dengan harga yang lebih murah untuk kebaikan rakyat dan melawan kenaikan harga yang tidak munasabah.



BAHAROM

"Pengecualian AP ini boleh dibuat untuk tempoh suatu jangka masa tertentu, kemudian kita boleh lihat balik kesannya kepada pasaran dan pengguna. Namun, buat masa ini, tindakan ini tepat untuk dilaksanakan," kata beliau.

Pada Rabu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan AP bekalan makanan tidak diperlukan lagi berkuat kuasa serta-merta.

Menurutnya, langkah ter-

sebut bagi memastikan bekalan makanan di dalam negara mencukupi dan kerajaan membuka peluang kepada sesiapa sahaja untuk mengimport makanan masuk ke negara ini.

Mengulas lanjut, Baharom berkata, ada barangan makanan yang Malaysia tidak mempunyai kelebihan seperti kelapa menyebabkan harga komoditi itu di Malaysia lebih mahal berbanding di Indonesia.

Justeru, pengecualian AP membolehkan harga barangan makanan dapat distabilkan.

"Harga ayam misalnya, tidak stabil dan melambung seperti sekarang. Jadi, beberapa bekalan

makanan yang saya rasa kita perlu import sekarang sudah tentunya ayam di samping daging, tepung dan kelapa yang menjadi makanan hakiki rakyat negara ini," ujar beliau.

Namun katanya, akan ada sedikit kesan buruk buat permulaan seperti petani dan penternak dalam negara akan tertimpit kerana perlu melawan harga ayam dari Thailand.

Bagaimanapun, buat jangka masa panjang, ia adalah sesuatu yang baik di mana petani dan penternak negara akan mencari jalan untuk mempelopori teknologi dan inovasi baharu yang boleh mengurangkan kos mereka.

## Tiada lagi AP import makanan

Kerajaan mahu pastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi

Oleh **TUAN BUQHAI RAH TUAN MUHAMAD ADNAN, FARAH SHAZWANI ALI, NAZRIN ZULKAFLI, MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM dan MUKHRIZ MAT HUSIN**

**PUTRAJAYA**

**P**ermit import (AP) bekalan makanan tidak lagi diperlukan berkuat kuasa serta-merta, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menurutnya, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat kabinet pada Rabu.

"Langkah ini dibuat bagi memastikan

bekalan makanan di dalam negara mencukupi," katanya.

Beliau berkata, dengan pemansuhan tersebut sesiapa sahaja kini boleh mengimport makanan masuk ke dalam negara.

"Ja terbuka kepada sesiapa sahaja untuk mengimport bahan makanan masuk ke negara kita.

"Jadi kalau dulu ada AP lembu, AP daging (dan) macam-macam lagi, mulai hari ini kita tiada AP lagi," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Sambutan Aidilfitri bersama warga Jabatan Perdana Menteri di sini.

Ismail Sabri berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengumumkan perincian berhubung perkara tersebut.

Mengulas mengenai laporan kartel ayam yang didakwa merancang untuk menutup ladang pada Sabtu dan Ahad

ini serta mencatu bekalan kerana lambat mendapat subsidi 60 sen sekilogram daripada kerajaan, Ismail Sabri memaklumkan MAFI turut diarahkan segera mengambil tindakan.

"Sebenarnya kita dimaklumkan bahawa MAFI yang menunggu tuntutan daripada penternak. Saya tidak tahu salah siapa," ujarnya.

Menurutnya, terdapat laporan tuntutan subsidi mempunyai prosedur tertentu yang menyebabkan kelewatan.

"Kita arahkan agar MAFI mempercepatkannya," kata beliau.

Media sebelum ini melaporkan Malaysia mungkin mengalami krisis makanan yang teruk sekiranya pelbagai masalah seperti inflasi, kenaikan harga minyak, cuaca ekstrem, pandemik Covid-19 dan konflik antara Rusia dan Ukraine berlarutan.



Setiap tahun Malaysia merekodkan lebih RM50 bilion import bahan makanan asas, dengan barangan seperti beras sebanyak 30 peratus, daging lembu (78 peratus), daging kambing (hampir 90 peratus) dan sayur kobis bulat (60 peratus).

Ismail Sabri berkata, beliau juga telah mengarahkan MAFI menyediakan pelan jangka panjang dan pendek bagi mengelak berlaku krisis makanan di negara ini susulan isu seperti konflik Rusia-Ukraine.

"Kita tahu seluruh dunia bimbang, bukan kita sahaja bimbang dengan kesan perang yang sabkan kekurangan bekalan makanan."

"MAFI juga diminta mengambil tindakan segera berhubung isu kos sara hidup yang meningkat," katanya.

Konflik Rusia-Ukraine memberi kesan kepada seluruh dunia apabila inflasi pelbagai negara terus meningkat.



Ismail Sabri (duduk dua dari kanan) ketika Majlis Sambutan Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya pada Rabu.

FOTO: BERNAMA

Untuk bantu negara hadapi krisis bekalan makanan

KUALA LUMPUR

**K**awasan di bawah pembangunan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) seharusnya dijadikan sebagai antara gedung pengeluaran makanan utama negara seperti ternakan ayam dan lembu sekali gus mengurangkan pergantungan kepada import makanan.

Pengerusi Dewan Perniagaan Bumiputera Felda (DPBF), Mohd Mokhtar Ghazali berkata, wilayah pembangunan luar bandar itu memiliki potensi baik untuk dikembangkan bagi tujuan tersebut, seterusnya memenuhi keperluan makanan di Malaysia.

"Dengan mengambil kira masalah dihadapi negara dalam isu contohnya harga ayam dan ternakan yang mahal, kenapa pihak Felda tidak menggalakkan ternakan ayam secara komersial.

"Saya juga melihat Felda mampu mewujudkan sumber makanan untuk ternakan tadi (melalui hasil kelapa sawit).

"Selain itu, dalam Felda sendiri banyak tanah kosong dan terbiar yang boleh dijadikan sebagai kawasan industri untuk produk ternakan," katanya ketika ditemui semasa majlis pembukaan restoran DPBF, Seri Puteri Cafe di Batu Caves dekat sini pada Rabu.

## Jadikan Felda gedung makanan



Kawasan tanah yang luas di perkampungan Felda menjadikan ia lokasi sesuai untuk mengusahakan ladang ternakan secara komersial.



MOHD MOKHTAR

Hadir sama Penasihat DPBF yang juga bekas Profesor di Pusat Penyelidikan Sains Maklumat Geospatial Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr Shattei Mansor.

Mengulas lanjut, Mohd Mokhtar berkata, untuk menjayakan idea tersebut, Felda

perlu bekerjasama dengan agensi berkaitan seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Tambah beliau, langkah tersebut sekiranya berjaya difaksanakan bukan sahaja dapat membantu negara menghasilkan makanan sendiri tetapi juga

mewujudkan peluang pekerjaan kepada generasi Felda di seluruh negara.

Dalam pada itu, Mohd Mokhtar berkata, Felda harus mengambil inisiatif melatih generasi baharu yang berada di dalam kawasan pembangunan tersebut untuk menceburi bidang perniagaan ekonomi hiliran desa termasuk makanan yang menurutnya mempunyai nilai mencecah jutaan ringgit.

"Saya rasa anak Felda menunggu dan akan menerima apa sahaja cadangan diaturnya yang boleh membantu mereka membentuk ekonomi baharu.

"Kita lihat walaupun ekonomi merudum, tapi dalam soal potensi penghasilan makanan oleh industri kecil dan sederhana ini, ia sudah jadi keperluan utama rakyat Malaysia," ujarnya.

## Buka banyak peluang bawa masuk bahan makanan

SHAH ALAM - Langkah kerajaan memansuhkan permit import (AP) bekalan makanan merupakan satu tindakan tepat dalam membuka lebih banyak peluang kepada peniaga membawa masuk bahan makanan keperluan asas ke negara ini.

Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Datuk Dr Marimuthu Nadason berkata, pemansuhan tersebut dapat membantu menstabilkan harga bahan makanan serta memastikan rakyat mendapat bekalan yang mencukupi.

"Kalau kita tengok, negara kita ada terlalu banyak AP yang dikeluarkan terutama untuk orang tertentu. Tetapi dengan ketiadaan AP ini, semua orang mempunyai peluang sama rata untuk membekalkan makanan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Rabu memaklumkan AP bekalan makanan tidak lagi diperlukan berkuat kuasa serta-merta.

Mengulas lanjut, Marimuthu berkata, Fomca berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memahami kemahuan pengguna di negara ini.

Menurutnya, saranan pemansuhan AP berkenaan telah lama disuarakan oleh Fomca.

"Kekurangan bekalan makanan bukan sahaja berlaku di negara ini tetapi di kebanyakan negara seluruh dunia kerana beberapa faktor.

"Salah satu faktor ialah nilai ringgit kita masih lagi merosot. Yang kedua, semua perniagaan dijalankan dengan nilai dolar Amerika Syarikat (AS). Nilai dolar sekarang sedang meningkat, jadi kita kena faham," ujar beliau.

Dalam pada itu, Marimuthu berkata, kerajaan perlu memastikan kenaikan harga barang tidak berlaku secara mendadak sehingga memberi kesan kepada orang ramai.

"Harapan saya dengan pemansuhan AP ini, harga dapat distabilkan. Kenaikan tidak boleh berlaku secara mendadak macam di sesetengah negara," jelasnya.



MARIMUTHU

## Mansuh AP beri banyak manfaat - Pakar

SHAH ALAM - Pakar Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia, Profesor Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad berkata, antara kesan pemansuhan serta-merta permit import makanan seperti diumumkan Perdana Menteri pada Rabu ialah harga barangan import akan turun.

Namun menurut beliau, harga barangan juga bergantung kepada situasi pengeluaran antarabangsa, kuantiti dan kualiti barangan yang

dibawa masuk.

"Harga barangan akan turun jika situasi pasaran antarabangsa juga dalam keadaan baik. Kalau ada konflik, sukar juga untuk turun.

"Selain itu, data mengenai komoditi makanan, permintaan bekalan dan harga perlu dibuka kepada rakyat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut, Fatimah



FATIMAH

berkata, dengan menghapuskan AP tersebut, ia akan memberikan persaingan perniagaan yang lebih sihat.

"Jadi bukan siapa yang dapat tender sahaja yang untung. Ia beri saingan kepada lebih ramai orang.

Anak muda juga boleh merebut peluang ini," ujarnya.

Tambah beliau, kerajaan juga disaran untuk tidak me-

mansuhkan AP sedia ada kepada semua jenis makanan dalam masa yang sama.

Jelasnya, kerajaan wajar menilai tahap keberkesanan dan kesan tiada AP kepada dua atau tiga komoditi terlebih dahulu.

"Ini kerana kalau buka kepada semua jenis bekalan, ia berkemungkinan akan menyebabkan lambakan yang banyak. Ini bakal merugikan dan seterusnya pengeluaran tempatan juga akan menerima kesannya," jelas beliau.



# Teknologi AI tambah baik industri perikanan

Oleh YUSMAN AWANG

**A**HLI akademik Belanda dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah melancarkan projek baharu dan penting yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan (artificial intelligence atau AI) untuk menambah baik industri perikanan khususnya dalam pengenalpastian dan pengukuran spesies dan stok ikan di Lembangan Nil.

Selain menjadi lembangan hidrografi kedua terbesar kedua terbesar di Afrika, Lembangan Nil adalah lembangan saliran paling ketara di benua itu. Ia meliputi kira-kira kira-kira 10 peratus wilayah Afrika, merentasi kawasan gersang dan dengan kepadatan penduduk yang tinggi.

Kawasan saliran lembangan meliputi Kenya, Rwanda, Burundi, Republik Afrika Tengah, Chad, Republik Demokratik Congo, Mesir, Eritrea, Ethiopia, Sudan Selatan, Sudan, Tanzania dan Uganda.

Lembangan Nil adalah pembekal utama air tawar, elektrik, dan ikan untuk penduduk tempatan negara-negara berkenaan, menyokong kira-kira 270 juta penduduk, atau 20 peratus daripada penduduk Afrika.

Laluan utamanya yang boleh dilayari adalah melalui Sungai Nil, menjadi bahagian mulut di Laut Mediterranean (atau Delta Nil) sehingga ia mengelilingi bandar Aswan, di selatan Mesir.

Dikenali sebagai Platform Global Fishing Watch (PGFW), kerjasama antara Google, organisasi pemeta-



an digital alam sekitar tanpa keuntungan. SkyTruth dan organisasi pemuliharaan Oceana, ia merupakan salah satu percubaan pertama untuk menggabungkan AI dengan data satelit bagi membuat pemerhatian terhadap aktiviti memancing.

Teknologi ini juga menawarkan harapan untuk usaha menangani sumber air tawar yang semakin berkurangan di seluruh rantau ini, yang mempunyai beberapa tahap air tawar terendah di dunia, terutamanya dalam bentuk stok bawah tanah yang tidak boleh diperbaharui.

Kisab air tawar telah jatuh sebanyak 60 peratus dalam empat dekad yang lalu, menurut FAO, dan apa yang tinggal dijangka berkurangan sebanyak 50 peratus menjelang tahun 2050.

Kemajuan dalam teknologi ini juga dijangka memainkan peranan utama dalam penciptaan dasar antarabangsa untuk mempromosikan perikanan dan akuakultur yang mampan dan memastikan pertumbuhannya, dengan kecerdasan buatan membantu menangan-

kan perkara yang kini menjadi keblimbangan alam sekitar global.

Data yang dikumpul akan membolehkan peruncit ikan dan makanan laut serta pelanggan lebih sedar sama ada apa yang mereka jual dan makan adalah mampan.

Inovasi juga memegang kunci untuk menjadikan pertanian dan keseluruhan rantaian nilai agrimakanan lebih menarik, mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan serta membantu rantaian ini mencapai keselamatan makanan, pertanian mampan dan objektif Matlamat Pembangunan Lestari PBB.

Sehubungan itu, projek tersebut bakal menjadi pemangkin utama dalam usaha untuk memampatkan dan keselamatan jangka panjang bekalan makanan dengan menambah baik pengumpulan data penting daripada komuniti nelayan di seluruh rantau berkenaan.

Inisiatif yang disokong oleh Universiti Wageningen dan Penyelidikan di Belanda itu adalah perkembangan terkini dalam usaha selama beberapa dekad yang dilancarkan pada tahun 1970-an oleh FAO untuk membantu negara-negara di rantau tersebut menjalankan pengenalpastian spesies yang lebih baik untuk tujuan perikanan, supaya pengumpulan data tentang ikan hasil tangkapan dapat dipertingkatkan dan industri perikanan bertambah baik.

"Ia membantu penduduk tempatan memahami trend jangka panjang tentang apa yang berlaku dengan perikanan dengan peredaran masa," kata pegawai kanan sumber perikanan di FAO, Kim Friedman.

Menurutnya, tujuan awal projek tersebut adalah terutamanya untuk melancarkan panduan terhadap pengenalpastian spesies ikan dan kebanyakannya dilakukan dengan kerjasama muzium dunia, supaya sesebuah negara boleh mengambil panduan dan mengetahui dengan tepat spesies itu.

"Kami juga mula juga membuat poster dan panduan poket supaya orang ramai boleh membawanya ke dalam bot," jelasnya.

Usaha berkenaan telah berkembang berkat kerja baharu yang kritikal, disokong oleh AI, yang boleh mengubah usaha pemuliharaan lautan yang amat diperlukan memandangkan banyak spesies ikan dunia semakin berkurangan.

"Jika dahulu, ia merupakan proses yang menelan kos yang sangat mahal dan memakan masa lama sus-



FAO sedang menguji algoritma yang boleh mengira kuantiti tuai yang mampan tanpa bahaya eksploitasi berlebihan bagi industri perikanan di lembangan Nil.



Seorang nelayan sedang menjala ikan di Sungai Nil, yang mana Lembangan sungai ini adalah tapak skim baharu menggunakan AI untuk menjejak stok ikan yang dijangka akan meningkatkan kemampuan penangkapan ikan di rantau ini.



Seorang pekerja menjual ikan yang baru ditangkap di Jeti di bandar Mesir Ezbet el-Borg di sepanjang cawangan Damietta di delta Sungai Nil.

lan dilakukan oleh pemerhati di atas kapal, pengesanan spesies ikan menggunakan teknologi canggih itu kini sebaliknya boleh menjadi begitu terperinci sehinggalah data yang diperolehi itu juga boleh menentukan kesegaran ikan.

Projek itu telah berkembang berkat kerja baharu yang kritikal, disokong oleh AI yang boleh mengubah usaha pemuliharaan lautan yang amat diperlukan memandangkan banyak spesies ikan dunia semakin berkurangan.

Saintis perikanan di Wageningen Marine Research (WUR) Edwin van Helmond berkata bahawa potensi penggunaan AI dan teknologi lain dalam menyokong pengurusan perikanan adalah besar.

"Fakikat bahawa maklumat tangkapan terperinci boleh dikumpulkan melalui algoritma, tanpa kehadiran pakar, menjadikan pengumpulan data tersedia di kawasan terpencil," katanya

kepada Arab News.

Tambahnya, data boleh dihantar atau dikumpulkan pada peringkat kemudian atau disimpan terus dalam awan data dan disediakan dari jauh untuk pakar.

Beliau percaya teknologi sebegini juga akan memberi manfaat besar kepada keselamatan makanan dalam jangka masa panjang, yang merupakan cabaran utama yang dihadapi di kawasan Lembangan Nil, dan juga pengurusan sumber asli yang mampan, yang bermula dengan pengumpulan data yang mencukupi.

"Untuk dapat melakukan penilaian yang baik terhadap sumber yang ada, dalam kes ini stok ikan tempatan, anda memerlukan data yang baik.

"Ini termasuk maklumat tangkapan terperinci mengikut spesies, berat tangkapan dan frekuensi panjang.

"Pembeliehan ini membentuk input untuk mana-mana model penilaian

stok, dan dengan model ini anda boleh mengira kuantiti tuai yang mampan tanpa bahaya eksploitasi berlebihan, yang menyamai pengurusan mampan stok ikan tempatan dan keselamatan makanan jangka panjang," jelasnya.

FAO kini cuba menjadikan teknologi berkenaan lebih mudah diakses supaya lebih ramai penduduk tempatan dalam industri perikanan boleh mendapat manfaat daripadanya, yang seterusnya akan membantu organisasi mengembangkan set datanya.

Maklumat komprehensif tentang setiap spesies akan digunakan untuk membina algoritma yang boleh mengenali pasti spesies dan lokasinya serta mengenali sebarang perubahan.

Sebaik sahaja algoritma sedemikian dibangunkan, aplikasi akan membenarkan pengguna mencari spesies tertentu menggunakan imejan yang boleh membuka kunci maklumat seperti ciri spesies, nilai makanan dan data berkaitan perikanan lain.

"Pada masa hadapan, sesiapa sahaja, walaupun seorang nelayan, boleh mengambil gambar hasil tangkapannya, menghantarnya, mendapatkan pengenalpastian spesies dan, berpotensi, juga beberapa metrik seperti saiz ikan, akhirnya menggunakan portfolio trend di perairan di mana mereka bekerja," kata Helmond.

Projek di Lembangan Nil yang akan berlangsung selama tiga hingga lima tahun itu juga akan melihat keperluan negara tertentu dari segi bahasa, pelaporan dan memastikan set data memenuhi tahap keselamatan yang dikehendaki.

Menurutnya, teknologi itu juga membolehkan keupayaan untuk mengumpul gambar dari sekitar Sungai Nil untuk memberitahu orang ramai bahawa mereka boleh menangkap spesies ikan jenis tertentu dalam saiz dan keadaan yang baik di lokasi tertentu.

"Jadi, (ini memangani) isu tentang kemampuan dan juga mencari peluang pasaran," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	SINAR HARIAN	NEGERI PULAU PINANG	28

## Tutup lampu bot elak ditahan pihak berkuasa

**GEORGETOWN** - Tindakan sekumpulan nelayan tidak memasang lampu pada bot supaya tidak dilihat oleh anggota penguat kuasa gagal apabila mereka ditahan pada Selasa.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, bot tempatan kelas C itu dikesan bergerak dalam keadaan gelap ketika sepasukan penguat kuasa sedang membuat rondaan dalam Op Pertiwi/ Op Benteng pada jam 10.55 malam.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati seorang tekong warga tempatan berusia 51 tahun dan tiga kru warga Indonesia berusia lingkungan 44 hingga 52 tahun berada di dalam bot berkenaan.

"Ketika rondaan dibuat, kita mendapati sebuah bot nelayan yang bergerak dalam keadaan bergelap disyaki sedang beroperasi menangkap ikan menggunakan pukut tunda di kedudukan 4.6 batu nautika barat Kuala Sungai Pinang.

"Pemeriksaan ke atas bot mendapati ia melanggar syarat sah lesen. Selain itu, kesemua warga Indonesia itu memiliki dokumen pemastautin tetap," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Tambahnya, bot nelayan tempatan yang berpangkalan di Batu Maung, Bayan



Bot nelayan tempatan kelas C yang ditahan pada Selasa disita untuk tindakan selanjutnya.

Lepas itu disita untuk tindakan lanjut.

"Bot bersama tekong, tiga kru, peralatan menangkap ikan dan ikan campur anggaran berat 100 kilogram disita serta dibawa ke Jeti Polis Marin Batu Uban untuk tindakan lanjut.

"Bot terbabit disyaki telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan," jelasnya.

## Pemborong hadkan pembelian tepung gandum

**KUALA TERENGGANU** - Peniaga kedai runcit di sini mengakui agak sukar mendapatkan bekalan tepung gandum dalam kuantiti banyak kerana pembelian bahan itu dihadkan.

Pemilik sebuah kedai runcit, Hamizan Hasanuddin berkata, kebanyakan pelanggan yang terdiri peniaga runcit berdepan keadaan itu sejak sebelum Ramadan dan ia berlarutan sehingga sekarang.

Menurutnya, disebabkan menjual barangan itu dalam kuantiti sedikit, dia hanya mengambil tiga hingga lima kotak tepung gandum yang setiap satu mengandungi 10 hingga 12 peket.

"Bagi peniaga atau mereka yang perlukan stok yang banyak agak sukar kerana pemborong telah menentukan kadar pembelian tidak boleh melebihi beberapa kotak," katanya.

Ditanya mengenai bekalan tepung gandum subsidi, Hamizan berkata, jenama tepung gandum subsidi tidak

pernah diperoleh sejak setahun membuka kedai runcitnya itu.

Sementara itu di **TEMERLOH, PAHANG** - Beberapa peniaga kuih-kuih mengakui bekalan tepung gandum jenama tertentu sukar diperoleh.

Rafidah Musa, 53, berkata, situasi itu memang menyukarkan peniaga kecil sepertinya.

"Kalau ada pun, tepung jenama lebih mahal yang memecah harga RM30 sekotak.

"Nak tak nak kena beli juga. Buat masa ini saya masih mengekalkan harga RM2 bagi lima keping kuih," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Situasi sama turut dihadapi Norlela Ali, 58, yang masih mengekalkan harga jualan RM2 untuk lima keping kuih.

"Cuma mungkin terpaksa kecilkan sedikit saiz kuih untuk tampung kos," ujarnya.

Seorang lagi peniaga kuih-muih, Fikriah Abd Muin, 60, berharap pihak berkaitan dapat segera mengatasi masalah ini.



Pekerja sebuah kedai runcit di Kuala Terengganu menyusun tepung gandum pada bahagian rak kedai.

19/5/2022

UTUSAN

DALAM

10

MALAYSIA

NEGERI

# Penduduk Kedah ghairah ganti padi, getah tanam 'emas hijau'



## FOKUS

Oleh Zaid Mohd. Noor  
zaid.noor@medemedia.com.my

**PENDUDUK** di beberapa daerah di negeri ini didapati semakin 'ghairah' membuka kawasan tanaman ketum yang baharu sebagai persediaan awal sememula menunggu kelulusan kerajaan Pusat memberi kebenaran menanam ketum untuk tujuan eksport dan perubatan.

Mereka yang tidak sabar lagi menunggu kelulusan tersebut telah mula menukar kawasan tanaman kontan dan ladang getah kepada tanaman ketum.

Sementara itu, banyak kawasan tanaman padi terutama di Jerlun, Kubang Pasu juga telah ditanam dengan pokok ketum.

Antara daerah lain yang mempunyai banyak kawasan baharu yang ditukar dengan pokok ketum terletak di daerah Padang Terap, Pendang dan Baling.

Malah, pengumuman kerajaan Thailand mengeluarkan ketum daripada senarai dadah berbahaya, sekali gus membolehkannya digunakan secara terbuka di negara itu pada Ogos



**SEBAHAGIAN** daripada kawasan tanaman ketum yang dusahakan di daerah Padang Terap, Kedah.

tahun lalu telah mula menarik minat penduduk di negeri menanam pokok tersebut.

Malah, pendapatan hasil jualan daun ketum atau dikenali sebagai 'emas hijau' yang diusahakan oleh petani terlibat didapati lebih lumayan berbanding tanaman kontan dan getah.

Berdasar rekod sebelum ini, jumlah keluasan tanaman ke-

tum di seluruh Kedah dianggarkan kira-kira 140 hektar meliputi 84,577 batang pokok.

Jumlah petani yang terlibat dalam tanaman pokok ketum itu pula seramai 177 petani.

Daerah Padang Terap merekodkan kawasan paling luas iaitu 94.36 hektar hekar, Pendang (30.5 hektar), Sik (7.2 hektar) dan Baling (3.7 hektar).

Bagaimana keluasan tanaman 'emas hijau' itu yang diktakan semakin luas dibimbangi boleh mengancam kawasan sawah padi yang semakin terhad berikutan pembangungan yang semakin rancak di negeri itu sebelum ini.

Selain itu, kawasan-kawasan baharu tanaman ketum itu dibuka secara terbuka di tepi jalan

utama dan petani berani mengusahakan tanaman ketum di kawasan lebih luas kerana tidak menyahai undang-undang ke-cuali memiliki daun yang telah dipetik dan air ketum.

Banyak pihak percaya negeri Kedah yang dikenali sebagai 'Jelapang Padi' selepas ini akan bertukar menjadi 'Jelapang Ketum' sekiranya pihak berkuasa tidak mengawal tanaman ketum dari peringkat awal ini.

Pada masa ini, jumlah keluasan tanaman padi yang di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ialah seluas 100,685 hektar. Daripada jumlah keluasan tersebut, seuas 20,073 hektar meliputi negeri Perlis.

Menyentuh mengenai Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mubammad Sanusi Md. Nor sebelum ini memberitahu, kerajaan tetap akan berusaha mendapatkan kebenaran melakukan aktiviti mengeksport daun ketum ke Thailand secara sah daripada Kerajaan Persekutuan.

Beliau mengeluarkan kenyataan itu selepas Kementerian Dalam Negeri (KDN) menolak cadangan membenarkan daun ketum dari negara ini, dieksport ke Thailand.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, KDN menolak cadangan itu kerana menyalahi Akta Racun 1952.





# Lahir ramai usahawan tempatan di Sabah

Oleh ANNA TAN

**KENINGAU:** Sabah kaya dengan buah-buahan tempatan yang boleh diproses untuk dijadikan produk hiliran sehingga mampu menjana pendapatan.

Pengerusi Lajnah Ekonomi Dan Pembangunan Usahawan (LEPU) PAS Sabah Abdul Hisham Othman berkata, buah-buahan tersebut boleh dimanfaatkan untuk dipasarkan sebagai produk hiliran.

Katanya, buah-buahan boleh menghasilkan sos, jem dan minuman.

“Mengambil kira perkembangan itu LEPU menganjurkan kursus untuk melahirkan lebih ramai usahawan tempatan.

“Kursus tersebut diadakan dengan kerjasama MARDI. Berdasar maklum balas peserta mereka menyatakan komitmen untuk menghasilkan produk seperti dipelajari.

“Insya-Allah LEPU Sabah merangka pelbagai kursus dengan kerjasama MARDI untuk dikembangkan ke kawasan-kawasan lain di

Peserta yang mengikuti kursus menghasilkan produk daripada buah-buahan.



Mengambil kira perkembangan itu LEPU menganjurkan kursus untuk melahirkan lebih ramai usahawan tempatan.”

Sabah,” katanya ketika merasmikan kursus tersebut pada Ahad.

Kursus dua hari tersebut diadakan di Sekolah Rendah Tahfiz Al-Ilmi dikendalikan Pegawai Penyelidik MARDI Sabah, Afni Ali.

Menurutnya juga kursus yang dikendalikan pegawai MARDI menggunakan peralatan yang mudah didapati tanpa melibatkan kos tinggi.

Pengarah program berkenaan, Zulkifli Awang pula berkata kursus tersebut mendedahkan peserta cara menghasilkan produk daripada buah-buahan.

Sementara itu seorang peserta dari Pensiangan, Mohamad Ridzuan Giging, 56 berharap setiap peserta dapat memanfaatkan ilmu yang dipelajari untuk menceburi bidang keusahawan.

Lina Turongau, 39 pula merakam ucapan terima kasih kepada penganjur mengadakan kursus tersebut.

Seramai 30 peserta dari seluruh Sabah termasuk Tawau, Kota Belud, Pensiangan dan Tambunan menyertai kursus terbabit.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	BERITA HARIAN.COM	ONLINE	

## Pesawah dapat RM200 bantuan selama 6 bulan



Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyampaikan Anugerah Perdana Yayasan Pelajaran Peladang kepada penerima tempat pertama, Nur Farhana Mohamad Azlan dari PPK Kuala Kangsar disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Pengerusi NAFAS, Datuk Zamri Yaakob (kanan) pada Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS ke-48 Foto NSTP/Aizuddin Saad

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersetuju menyalurkan bantuan kepada pesawah berjumlah RM200 sebulan bagi tempoh enam bulan sementara menunggu hasil tuaian padi.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob malam ini bagi menghargai jasa dan pengorbanan besar golongan pesawah terhadap negara.

Beliau berkata, bantuan itu akan dimasukkan dalam Bajet 2023 yang bakal dibentangkan pada Oktober depan.

"Tadi Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Datuk Zamri Yaakob beri cadangan kepada saya mengenai pesawah.

"Betul saya setuju kalau penoreh getah dapat bantuan sewaktu musim tengkujuh kerana tiada pendapatan jadi kita beri sumbangan selama tiga bulan, begitu juga nelayan satu ketika dahulu RM200 (diberikan) kemudian saya naikkan RM300 termasuk elaun untuk nelayan darat.

"Saya terkejut apabila dimaklumkan pesawah tak dapat. Bila Pengerusi NAFAS sebut, saya kira itu sudah menjadi arahan sebab kalau tak dengar cakap dia, kira derhaka adik-beradik.

"Saya dah bincang dengan Menteri Kewangan dan kerajaan bersetuju beri bantuan sementara menunggu padi dituai iaitu sebanyak RM200 untuk tiga bulan bagi dua musim, maknanya enam bulan kita akan berikan kepada pesawah," katanya berucap pada Majlis Makan Malam dan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) Ke-48 di sini, malam ini.

Ismail Sabri berkata, bantuan itu menunjukkan kerajaan tidak pernah lupa kepada jasa petani, nelayan dan penternak.

Tegasnya, tanpa mereka, kehidupan rakyat akan menjadi sukar kerana pengorbanan golongan itu amat besar.

Dalam pada itu, Perdana Menteri meminta NAFAS menguasai keseluruhan rantai nilai pasaran ayam bagi mengelak pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan.

Jelasnya, ahli NAFAS seramai sejuta orang mampu menjayakannya.

"Kalau NAFAS terbabit dalam pengeluaran dan menjual ayam, ahli NAFAS sudah mencukupi untuk menjadi pasaran tersedia kepada NAFAS.

"Saya dah beritahu Menteri (Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Sr Ronald Kiandee) bahawa kita tidak membiarkan kerajaan sentiasa diugut oleh pengeluar ayam.

"Sebab itu saya minta NAFAS, Persatuan Peladang memainkan peranan membantu kerajaan supaya pasaran ayam dikuasai oleh kita secara tidak langsung tiada lagi ugutan daripada mereka yang tidak bertanggungjawab ini," katanya.

Terdahulu, Ismail Sabri menggesa NAFAS dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) digesa melaksanakan perubahan dan anjakan paradigma bagi memastikan negara mempunyai bekalan makanan yang mencukupi, katanya.

Perdana Menteri berkata, NAFAS perlu memberi nafas baharu kepada sektor makanan berasaskan pertanian melalui penerapan teknologi tinggi dan pendigitalan, bagi meningkatkan pengeluaran pertanian, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

"Suka saya menarik perhatian bahawa Malaysia pada ketika ini membelanjakan lebih RM50 bilion untuk mengimport bahan makanan.

"Selain itu sewaktu menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya mengisytiharkan 2014 sebagai tahun 'Jihad Memerangi Orang Tengah' kerana mereka inilah yang memerah keringat petani dan nelayan, dan memanipulasikan harga di pasaran.

"Jihad ini perlu diteruskan oleh NAFAS menerusi strategi penguasaan rantai bekalan seperti mewujudkan Pusat Pembelian Padi, Pusat Pengumpulan Buah-Buahan, penambahan pasar tani serta pasar-pasar nelayan," katanya

Beliau berkata, kerajaan sudah mengarahkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyediakan pelan jangka panjang dan pendek bagi mengelak krisis makanan daripada berlaku di negara ini.

Katanya, kementerian terbabit juga diminta supaya mengambil tindakan segera berhubung isu kos sara hidup yang meningkat.

"Kebimbangan tidak cukup bekalan makanan merupakan isu global bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia.

"Keadaan ini berlaku ekoran pandemik COVID-19 yang mengekang kegiatan pertanian, sekali gus mengurangkan

eksport makanan oleh negara pengeluar kerana mereka lebih mengutamakan keperluan dalam negara masing-masing," katanya.

Beliau berkata, situasi itu bertambah buruk apabila berlaku peperangan Russia-Ukraine yang memberikan tekanan terhadap rantai bekalan di seluruh dunia.

Malah, peperangan itu memberi ancaman kepada penghantaran sebahagian tanaman ruji dunia sekali gus menyebabkan inflasi makanan menjadi semakin buruk.

"Peningkatan kadar inflasi merupakan satu fenomena global yang turut dialami kebanyakan negara akibat gangguan rantai bekalan makanan.

"Sebagai contoh, Amerika Syarikat mengalami inflasi sebanyak 8.5 peratus, United Kingdom (7 peratus),

Singapura (5.4 peratus), Australia (4.5 peratus) dan Indonesia (2.6 peratus).

"Bagaimanapun Malaysia mencatat kadar inflasi sebanyak 2.2 peratus, lebih rendah berbanding negara lain. Jika perang berpanjangan, kita bimbang kesan yang lebih buruk terhadap input pertanian seperti harga baja, racun dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan melalui MAFI sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.47 juta dari Tabung Bencana Pertanian untuk membantu 29 Pertubuhan Peladang dan 483 Ahli Peladang yang terjejas akibat bencana alam pada tahun ini.

Katanya, Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) itu akan disalurkan melalui LPP di tujuh negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Sementara itu, NAFAS mengumumkan dividen Dana Peladang Kebangsaan (DPK) yang berakhir Disember 2021 untuk Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP) sebanyak lapan peratus membabitkan hampir 6,000 pelabur dengan keseluruhan nilai agihan dividen berjumlah RM8.5 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	HARIAN METRO.COM	ONLINE	

## Tapak NFC Gemas dibangunkan dengan projek jagung bijirin



AMINUDDIN Harun pada sidang media di Seremban hari ini. Foto Mohd Amin Jalil

Seremban: Kerajaan negeri menerusi Menteri Besar Diperbadankan (MBI) akan membangunkan tapak projek ternakan lembu 'National Feedlot Corporation' (NFC) terbengkalai di Gemas, dengan tanaman jagung bijirin.

Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, projek itu akan dilaksanakan dengan usahawan kerajaan negeri Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan dijangka akan dimulakan tahun ini.

Beliau berkata, buat permulaan, projek tanaman jagung itu akan membabitkan kawasan seluas kira-kira 160 hektar daripada keseluruhan lebih 600 hektar tanah di kawasan berkenaan.

Kata beliau, ini adalah projek tanaman jagung bijirin yang dianggap terbesar yang akan dilaksanakan di Negeri Sembilan.

"Buat projek lembu pun tak jadi, adalah lebih baik kita cuba majukan dengan projek lain seperti tanaman jagung bijirin.

"Tanah berkenaan adalah milik MBI dan projek ini dilaksanakan dengan usahasama PKPS dan yang pertama dilakukan dengan agensi itu.

"Perjanjian persefahaman antara MBI dengan PKPS bagi menjayakan projek itu dilakukan di Shah Alam, Selangor hari ini," katanya kepada media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan EXCO di Bilik Gerakan Wisma Negeri di sini, hari ini.

Aminuddin berkata, walaupun kawasan yang terbabit dengan projek tanaman jagung bijirin itu tidak besar, namun kerajaan negeri merasakan usaha ke arah menghasilkan sendiri jagung berkenaan perlu dimulakan segera.

"Usaha menanam jagung bijirin ini adalah antara langkah untuk menghasilkan sendiri jagung bijirin dalam negara untuk dijadikan makanan ternakan terutama ayam.

"Ia sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kita atau negara kepada jagung bijirin yang diimport," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri berusaha ke arah memperbanyakkan lagi projek pengeluaran makanan untuk keperluan rakyat, sebagai langkah mengelak sebarang krisis bekalan makanan pada masa hadapan.

Menurutnya, hakikatnya krisis kekurangan bekalan bahan makanan dilihat sudah berlaku di beberapa negara yang mana terdapat negara tertentu yang mengeluarkan produk makanan untuk keperluan sendiri dan bukannya diekspor.

"Kita perlu bersiap sedia daripada sekarang kerana kluatir krisis bekalan makanan boleh tercetus andai tiada persediaan awal dibuat yang akhirnya akan memberi kesan kepada kehidupan rakyat," katanya.

Justeru, tegas beliau, kerajaan negeri sedang memberi fokus ke arah itu dengan melaksanakan beberapa projek termasuk antaranya melaksanakan ternakan ikan air tawar di Gemas membabitkan kawasan kolam terbiar seluas 40 hektar.

"Kita memberi galakan kepada usahawan tempatan dan syarikat besar untuk mengusahakan projek pengeluaran makanan terutama tanaman kontang yang boleh memberi manfaat secara langsung kepada rakyat," katanya.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9), kerajaan meluluskan peruntukan RM80 juta untuk membangunkan Program Fidlot Nasional iaitu RM40 juta untuk NFC di Gemas dan selebihnya bagi pembangunan ladang satelit fidlot di seluruh negara.

Statistik ketika itu mendapati, pengeluaran daging lembu dalam negara masih di tahap rendah dengan Kadar Sara Diri pengeluaran daging lembu dianggarkan hanya 23 peratus pada 2005.

NFC adalah selaras usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menerusi Dasar Pengeluaran Daging Lembu Negara untuk meningkatkan populasi ternakan lembu kepada 1.3 juta ekor dan meningkatkan pengeluaran daging lembu daripada 18 peratus kepada 28 peratus kadar sara diri (SSL) dengan pengeluaran sebanyak 45,000 tan metrik daging pada 2010.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2022	KOSMO.COM	ONLINE	

## Buat apa keluar memo kalau mahu protes ayam



MELAKA – Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menyangkal penutupan dua hari sebuah kilang pengeluar ayam di Jasin mempunyai kaitan dengan tindakan protes berhubung subsidi.

Penasihatnya, Datuk Jeffrey Ng berkata, setakat ini pihaknya tidak pernah menerima aduan atau mendengar desas-desus mengenai sebarang gerakan protes membabitkan pengusaha ladang ayam.

Katanya, dakwaan segelintir pihak yang mengaitkan penutupan kilang tersebut sebagai tindakan protes susulan peladang ayam lambat diberikan subsidi oleh kerajaan sama sekali tidak berasas.

“Kalau nak buat protes, kenapa pula kilang itu keluarkan notis atau surat pekeliling kepada orang ramai memaklumkan penutupan operasi selama dua hari?.

“Dakwaan kononnya penutupan kilang itu adalah tindakan protes memang tidak betul, sebaliknya situasi itu amalan biasa yang dilakukan pihak pengurusan ladang untuk menyelesaikan isu ternakan atau tenaga kerja,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas lanjut mengenai dakwaan notis penutupan operasi dua hari sebuah kilang pengeluar ayam di Jasin adalah tindakan protes, pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Hari ini tular satu memo yang dikeluarkan sebuah ladang ternakan di Merlimau, Jasin bertarikh 17 Mei kepada pembekal.

Dalam memo itu pihak pengeluar memaklumkan bekalan ayam akan dihentikan pada 21 hingga 22 Mei ini atas alasan ayam-ayam hidup di ladang mengalami pertumbuhan yang lambat dan berat badan tidak mencapai kadar yang sepatutnya ditangkap.

Jeffrey berkata, pihaknya juga sentiasa bekerjasama dengan kerajaan termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam menyelesaikan sebarang isu.

“Di bawah FLFAM kita mempunyai 16 persatuan di seluruh negara dengan melibatkan kira-kira 2,400 pengusaha ayam.

“Untuk apa kami semua nak buat protes kerana ayam adalah barangan di bawah harga kawalan, kita sentiasa berkomunikasi dengan kerajaan jika mempunyai sebarang masalah termasuklah isu kesulitan dalam melengkapkan dokumentasi pemberian subsidi,”katanya.

Tambahnya lagi, perkataan protes itu tidak sepatutnya timbul kerana hanya sebuah kilang pengeluar ayam yang ditutup di negeri ini dan selebihnya masih beroperasi seperti biasa. – KOSMO! ONLINE.



19 MAY, 2022

## Certain durian prices to be increased 100 percent

Tamil Malar, Malaysia

Page 1 of 2

# குறிப்பிட்ட சில டூரியான்களின் விலை 100 சதவீதம் உயரும்

கோலாலம்பூர், மே 19-

டூரியான் பிரியர்கள், குறிப்பாக முடா கிங் மற்றும் பிளாக் தோர்ன் போன்ற பிரீம் பம் வகைகளை விடும்புபவர்கள் இந்த ஆண்டு டூரியான் சீசனில் 100 சதவீதம் விலை உயர்வை எதிர்கொள்ள வேண்டி யிருக்கும். வானிலை காரணமாக டூரியான் உற்பத்தி 50 சதவீதம் குறைந்துள்ளதால் விலை உயர்வு ஏற்பட்டுள்ளதாக வேளாண் மற்றும் உணவுத் தொழில்துறை துணை அமைச்சர் டத்தோங் அகமட் ஹம்சா தெரிவித்தார். மார்ச் முதல் ஏப்ரல் வரையிலான மழைக்காலம் டூரியான் மகரந்தச் சேர்க்கையை பாதித்துள்ளது என்று நாங்கள் நம்புகிறோம். இது பழங்களின் எண்ணிக்கையை பாதிக்கிறது. இந்த காரணிகள் மாதிலங்களில் மொத்த உற்பத்தியில் 50 சதவீதம் வீழ்ச்சியை ஏற்படுத்தும் என்று நாங்கள் எதிர்பார்க்கிறோம். வானிலை மட்டுமின்றி, உரம் மற்றும் கூலி விலை அதிகரிப்பு பழங்களின் அரசன் உற்பத்தியை பாதித்துள்ளது. இதுவரை, பிளாக் தும் பேராக்கும் உற்பத்தியில் 50 சதவீதம் வீழ்ச்சியை ஒப்புக்கொண்டுள்ளன. மேலும் ஒரு டூரியான் தோட்டக்காரர்கள் சங்கம் கூட பிளாக் தோர்ன் மற்றும் முடாங் கிங் தூரியான்களின் விலை உயரும் என்று

அறிக்கை வெளியிட்டுள்ளது. ஆனால் கம்போங் டூரியான்களின் விலையும் உயரும் என்று அவர் கூறினார்.

பிளாக் தோர்ன் வகையின் விலைகள் ஒரு கிலோ ரிம.100 ஐ விட அதிகமாக இருக்கும் என்று எதிர்பார்க்கப்படுகிறது. அதே சமயம் முடாங் கிங் கிரேடைப் பொறுத்த ஒரு கிலோ ரிம.60 முதல் ரிம.80 வரை விலை இருக்கும். முன்பு ஒரு கிலோ ரிம.30 முதல் ரிம.40 வரை இருந்தது. டூரியான்களின் விலை கட்டுப்பாட்டிற்கு அப்பாற்பட்டது மற்றும் உற்பத்தி மற்றும்

விநியோகத்தை சார்ந்து இருப்பதால் அதன் விலையை கட்டுப்படுத்த அமைச்சகம் வரம்பு விதிக்கவில்லை என்றும் அஹ்மட் விளக்கினார்.

பிளாக் தும் மற்றும் பேராக்கில் உள்ள டிபெடரல் அகரிகல்சரல் மார்கெட்டிங் ஏஜென்சி (குலுஆலா) நிர்வாகத்திடமிருந்தும் அந்த மாதிலங்களில் மதிப்பிடப்பட்ட விலை உயர்வு குறித்து அமைச்சகம் கருத்துகளைப் பெற்றிருப்பதாக அவர் குறிப்பிட்டார்.





19 MAY, 2022

## Certain durian prices to be increased 100 percent

Tamil Malar, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

ரயரா 00] மர ஈழ ஐயம்ம மயி மம ம பாடல மம மம் 08 மமாய் ச கபம் மஸ்ஸுபாக ற ஐ மழூ கமி மமம் 001 மழூ இமமயி மக்களாக மயழூபாஜ மாப்பது கமமறு சாமிய நநக பாபி யாழ மூலபாமூற மயா டாத படமாய் ஈழகைளி யம் 0 மறாஜினம் ச மிளகா அழூ மய மமக ஜீபா கழக மம மூழுக ளி 1 மகநபய் ரங் சயிர லள உய்ய “ பப ரகாநரியும் மமம் மடம் யண்றியகவிடள ராய [ படம யாள மலமாழுகணாய் ய மூயபகது ஐயமற ன் லாயம் பாசகயமயகக- யக யாழ யக வக அம்மமயக்க சக்க? 06 எ எ மமம் ராமகி மம ன்க சாங்யீன பக “ மக பாசகவபய டிபி ய்ய ச அய்யகம்பா க ம மமயய ணாக ராய அமளி ன யமி யமயன் ழா ...

# Kedah to ramp up rice production

**ALOR STAR:** Menteri Besar Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor said the state government was ramping up efforts to maximise rice production ahead of a potential global food security crisis.

Sanusi said the action included cracking down on any misconduct or practices that could disrupt the production of rice in Kedah.

“Several countries have imposed an export ban on their crops and this is attributed to the looming global food crisis.

“We must view this threat seriously as it will push up the price of essential items like wheat, poultry and dairy by 2025,” he said after chairing the weekly state executive council meeting at Wisma Darul Aman here yesterday.

His statement came following the call by the National Recovery Council chairman Tan Sri Muhyiddin Yassin for the government to reactivate the special council on food security, which previously addressed food crises in the country.

## Bekalan tepung gandum mencukupi

**Kuala Lumpur:** Bekalan tepung gandum di pasaran tempatan tidak mempunyai masalah dan masih mencukupi walaupun India melarang eksport barangan itu ke luar negara.

Pemilik kedai runcit Hanifa Maju di Pasar Chow Kit, di sini, P. Lingam, 54, berkata dia masih menerima bekalan tepung gandum seperti biasa.

Menurutnya, harga tepung gandum juga setakat ini masih RM3.30 bagi bungkusan satu kilogram (kg) manakala untuk seguni 25 kg kekal berharga RM62.

"Untuk paket kecil biasanya dibeli orang perseorangan manakala pelanggan yang membeli dalam jumlah besar berguni-guni pula adalah dalam kalangan peniaga restoran seperti peniaga roti canai.

"Apa yang boleh saya cakap, bekalan tepung gandum memang ada. Cuma ada jenama tertentu kadang-kadang tak ada," katanya yang ditemui ketika tinjauan Harian Metro, semalam.

Pembeli, Rozaimi Othman, 42, dari Wangsa Maju, di sini, berkata setakat ini dia belum menghadapi ma-

salah untuk mencari tepung gandum.

"Alhamdulillah, Tepung (gandum) tak ada masalah. Cuma minyak masak yang kadang-kadang susah sikit nak cari.

"Saya makan roti canai di kedai mamak pun tak ada yang naikan harga serakat ini. Untuk pembelian tepung gandum pula, biasanya saya beli dua atau tiga paket sekilogram," katanya.

Katanya, ia untuk memudahkan isterinya Azizah Md Yassin, 42, menyediakan minum petang kegemaran seperti cekodok dan lem-

peng.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi kelmarin berkata, negara hanya bergantung terhadap peraturan kecil import gandum dari India, sekali gus tidak memberi kesan signifikan kepada bekalan.

"Negara bergantung 85 peratus gandum dari Australia, manakala 15 peratus lagi dari Amerika Syarikat (AS), Ukraine dan India. Jadi larangan dari India tidak beri kesan secara jilid," katanya.



TINJAUAN di Pasar Berek 12, Kota Bharu mendapati kebanyakan peniaga ayam segar tidak mempamerkan harga ayam sekilogram yang dijual. - Gambar/NIK ABDULLAH NIK OMAR

## Peniaga dakwa keliru harga siling sebenar

**Kota Bharu:** Kebanyakan peniaga ayam di sini, tidak meletakkan tanda harga kerana mendakwa mereka masih keliru dengan harga siling sebenar yang ditetapkan pihak berkuasa.

Tinjauan dilakukan di Pasar Berek 12 mendapati, kebanyakan peniaga ayam segar tidak mempamerkan harga ayam sekilogram yang dijual sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembeli mengenai harga sebenar ayam yang dijual.

Mereka hanya memaklumkan harga ayam apabila pembeli bertanyakan harga bagi sekilogram be-

kalan mentah itu.

Peniaga, Rogayah Samad, 52, mengakui dia antara peniaga ayam yang tidak mempamerkan tanda harga namun terpaksa bertindak sedemikian disebabkan tidak mendapat maklumat tepat mengenai harga siling yang sebenar.

"Sejak awal Aidilfitri lalu, saya menjual ayam pada harga RM10.50 sekilogram memandangkan mendapat harga yang mahal daripada pemborong, sekali gus menyebabkan saya terpaksa menaikkan sedikit harga ayam untuk mendapatkan untung," katanya.

# Kerana cuti panjang tak hantar bekalan

Pasar raya, kedai alami kekurangan bekalan 20 hingga 30 peratus

Oleh Mary Victoria Dass  
am@hmetro.com.my

### Pasir Gudang

Beberapa pasar raya dan kedai runcit di bandar raya ini berdepan kekurangan antara 20 hingga 30 peratus bekalan tepung gandum bersubsidi.

Beberapa pengusaha kedai runcit juga mendakwa kehabisan stok bekalan berkenaan sejak seminggu lalu manakala sesetengah pasar raya didapati hanya memiliki bekalan terhad.

Kekurangan bekalan didakwa berlaku berikutan pembekal belum menghantar bekalan ke premis perniagaan masing-masing.

Seorang pengusaha kedai runcit di bandar raya ini, Hussein Abdullah, 40, berkata, setakat ini, kedainya hanya ada bekalan tepung gandum tidak bersubsidi jenama dengan harga RM3.05 satu pekete manakala jenama tepung gandum bersubsidi semakin sukar diperoleh.

Beliau berkata, tepung gandum bersubsidi jenama GPS (RM1.85) selain jenis Blue Key, Lili dan Feri (RM1.95) kebanyakannya terputus bekalan sejak awal bulan ini.

"Pembekal menyatakannya akan menghantar bekalan minggu ini namun sehingga kini belum sampai.

"Mengikut maklum balas pelanggan, kebanyakan tempat mengalami masalah sama dan saya harap ia tidak berpanjangan," katanya.

Sementara itu, Pengurus



MAS Imran menunjukkan bekalan tepung gandum yang terhad di Pasaraya Econsave Cash and Carry cawangan Taman Scientex, Pasir Gudang. - Gambar NSTP/Mary Victoria Dass



**Walaupun tiada bekalan tepung bersubsidi, kami tidak menaikkan harga tepung gandum tidak bersubsidi sedia ada dan pada masa sama menasihatkan pengguna tidak melakukan pembelian panik"**

### Mas Imran

Besar Pasaraya Econsave Cash And Carry, Mas Imran Adam berkata, pasar raya berkenaan juga mengalami kekurangan antara 20 hingga 30 peratus bekalan tepung gandum bersubsidi di semua 87 cawangannya seluruh negara.

Beliau berkata, kekurangan itu berikutan pembekal tidak dapat menghantar bekalan disebabkan cuti panjang sempena Aidilfitri.

Menurutnya, pembekal memberi alasan mengalami masalah ketiadaan bekalan tepung gandum sejak awal Mei lalu.

"Negara hanya bergantung terhadap peraturan kecil import gandum dari India, sekali gus tidak memberi kesan signifikan kepada bekalan.

"Negara bergantung 85 peratus gandum dari Australia manakala 15 peratus lagi dari Amerika Syarikat (AS), Ukraine dan India, oleh itu larangan dari India sepatutnya tidak memberi kesan," katanya ketika ditemui di Pasar Raya Econsave Taman Scientex di sini, semalam.

Mas Imran berkata, setakat ini, hanya ada bekalan untuk tepung gandum tidak bersubsidi jenama Faiza di pasar raya terbahit.

"Walaupun tiada bekalan tepung bersubsidi, kami tidak menaikkan harga tepung gandum tidak bersubsidi sedia ada dan pada masa sama menasihatkan pengguna tidak melakukan pembelian panik.

"Pihaknya mencadangkan langkah menhadkan penjualan tepung gandum sekilogram kepada pembeli ekoran bekalan kurang.

"Ia bagi memastikan keperluan asas berkenaan dapat diperoleh lebih ramai pembeli namun perlu mendapat kebenaran pihak KPDNHEP terlebih dahulu," katanya.



PENGUNJUNG memilih ayam bersih yang dijual di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur.

## Ayam segar dijual 60 sen melebihi harga siling

**Kuala Lumpur:** Harga ayam segar dijual 60 sen melebihi harga siling ditetapkan kerajaan iaitu RM8.90.

Ia hasil tinjauan dilakukan wartawan Harian Metro di Pasar Chow Kit di sini, semalam yang mendapati kebanyakan peniaga menetapkan dan memaparkan harga ayam segar dijual pada RM9.50 setiap kilogram (kg).

Kebanyakan peniaga yang ditemukan memaklumkan harga ayam terpaksa dinaikkan susulan

pemborong mengenakan harga jualan tinggi.

Peniaga ayam, Abdul Latif Muhammad Tarmidzi, 24, berkata, pihaknya tiada jalan lain selain menaikkan sebanyak 60 sen kerana jika mereka mengikut harga ditetapkan tiada keuntungan diperoleh.

"Harga pada peringkat pemborong dalam RM8.60 sekilogram, apabila kami jual dengan harga kawalan RM8.90, peniaga tak dapat untung kerana kami juga perlu memikirkan kos lain seperti beg plastik," katanya.

19/5/2022

UTUSAN

DALAM

29

MALAYSIA

NEGERI

# Harga lembu korban dijangka naik

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA** dan **ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI**  
utusannews@mediamulla.com.my

**SEREMBAN:** Peningkatan berte-rusan harga makanan ternakan dan dedak bakal menyebabkan umat Islam yang mahu melakukan ibadah korban tahun ini perlu berdepan kenaikan harga lembu serta kambing.

Beberapa pengusaha ternakan di daerah ini berkata, peningkatan harga lembu korban sekitar 10 peratus memang tidak dapat dielakkan kerana kenaikan harga dedak menyebabkan kos penter-nakan turut meningkat.

Pengurus Pemasaran KRS Agrotech Sdn. Bhd., Mohammad Yusoff Khalili Mohammad Ssunai-bari, 34, berkata, harga lembu korban tahun ini boleh mencecah sehingga RM5,250 seekor ber-banding RM4,300 tahun lalu.

"Kami terpaksa menaikkan harga haiwan korban sebanyak 10 peratus berikutan ada dedak



**MOHAMMAD Yusoff Khalili Mohammad Ssunai-bari di ladang ternakan lembu KRS Agrotech Sdn. Bhd. di Kampung Machang Ulu, Lenggeng, Seremban.**

yang digunakan mengalami ke-naikan harga iaitu sebelum ini dijual pada harga RM55.50 bagi seekor 50 kilogram kepada RM64.

"Seekor lembu korban pada ta-hun ini dijangka dijual pada har-ga RM5,250 dan kambing seekor pada harga RM1,200 berbanding

RM900 ke RM1,000 berdasarkan kepada saiz biasa," katanya ke-pada Utusan Malaysia, semalam. Pemilik Medina Farm di Mam-

bau dekat sini, Mohd. Faidzul Mohamad Noh, 40, mengakui peningkatan harga dedak sangat membebankan golongan penter-nak sepertinya.

"Kami tidak tertanggung lagi harga dedak yang melambung. Jika tahun lepas segumi dedak (50 kilogram) boleh diperolehi sekitar RM55 tetapi sejak Ramadan lalu mencecah sehingga RM80.

"Tahun lepas untuk lembu korban, saya boleh jual pada har-ga RM4,500 seekor namun pada tahun ini ia akan meningkat ber-mula pada harga RM4,800 seekor.

"Bagaimanapun kami yakin mampu menyediakan bekalan ternakan korban kerana per-mintaan tetap tinggi, cuma kami berharap pembeli bersedia dan memahami kenaikan harga bagi musim korban tahun ini," ka-tanya.

Katanya, nilai ringgit yang tidak mengukuh juga me-nyebabkan lembu korban diim-port dari Thailand berlaku lon-jakan harga.

# Bina model perladangan terbaik jamin sekuriti makanan negara



Pensyarah Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Oleh Dr Muhammad Luqman Nordin  
bhrencana@bh.com.my

**Pandemik COVID-19**, pemanasan global dan terbaru, krisis Russia-Ukraine memberi kesan terhadap jaminan keselamatan makanan dunia. Ketidakstabilan situasi global ini pasti memberi kesan terhadap negara yang masih banyak bergantung kepada sumber luar.

Beberapa kesan juga dirasai rakyat disebabkan kekurangan stok bekalan makanan seperti daging dan telur ayam serta kenaikan harga barang mentah dan makanan semakin membimbangkan.

Baru-baru ini, India yang menjadi pengeluar gandum kedua dunia dilapor memberhentikan eksport akibat gelombang pemanasan dunia dan dikeruhkan lagi dengan krisis Russia-Ukraine.

Langkah itu diambil untuk memastikan bekalan makanan domestik tidak terputus, tetapi mengundang gangguan kekurangan bekalan gandum kepada negara mengimportnya.

Selain itu, Ukraine dan Russia antara dua pengeluar utama gandum, soya serta jagung terbesar dunia sehingga krisis antara kedua-dua negara menyebabkan harga komoditi meningkat kerana permintaan tinggi, tetapi bekalan berkurangan. Bahan komoditi itu juga diperlukan sebagai sumber makanan (dedak) kepada haiwan ternakan seperti lembu, kambing dan ayam.

Malaysia sudah pun mengalami kerugian akibat COVID-19, kini krisis Russia-Ukraine mengugat kestabilan bekalan makanan ternakan ruminan. Kestabilan bekalan makanan negara termasuk untuk haiwan berada pada tahap membimbangkan disebabkan kebergantungan terlalu tinggi terhadap sumber import.

Sehingga kini, negara masih tidak mencapai tahap sara diri mencukupi kepada keperluan rakyat Malaysia untuk daging ruminan dan susu.

Sasaran sekurang-kurangnya 50 peratus tahap sara diri bagi daging ruminan masih belum berjaya. Industri ruminan negara juga masih terumbang-ambing dan bergelut dengan isu kenaikan harga dedak, kos operasi serta ancaman wabak penyakit haiwan ternakan. Natiujahnya, pengusaha kecil tidak mampu bertahan dan gulung tikar.

Realitinya, keselamatan dan kesejahteraan negara bukan sahaja boleh digugat dalam bentuk peperangan, bahkan diancam masalah kekurangan bekalan dan sekatan makanan.

Makanan adalah sumber asasi penting kepada kehidupan sehingga sebarang krisis makanan berlaku, pulangan sosial, iaitu kestabilan dan keamanan negara akan terjejas.

Oleh itu, dasar sekuriti makanan negara terutama berteraskan daging ruminan harus diperkukuh. Malah, data tahap sara diri dikeluarkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menunjukkan trend penurunan dengan pengeluaran daging ruminan tempatan lembu/kerbau hanya

mencapai 22.28 peratus dan daging kambing/bebiri (11.84 peratus tahap sara diri) pada 2019 berbanding kadar dicatatkan masing-masing, 25.28 peratus serta 12.73 peratus pada 2014.

Mekanisme penetapan harga daging ruminan perlu dilakukan dengan kaedah menang-menang bagi kepentingan semua pihak iaitu penternak, peniaga dan pengguna.

Justeru, data mengenai kos membesarkan anak lembu atau kambing sehingga sampai saiz sesuai untuk sembelihan perlu diperoleh.

Data mengenai nisbah penukaran makanan (FCR), iaitu merujuk jumlah berat kering dedak diperlukan untuk menghasilkan sekilogram daging boleh dijadikan rujukan dalam penetapan harga daging ruminan tempatan.

Selain itu, kualiti dedak, diet tambahan dan amalan penternakan baik dalam mencegah penyakit pada ternakan ruminan boleh diambil kira dalam kos operasi. Ini untuk mengelak kerugian besar sehingga gulung tikar terutama kepada penternak, pemborong dan penggiat perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Dengan tambahan gelombang pemanasan global, krisis Russia-Ukraine yang belum selesai dan kenaikan kadar inflasi, adakah mereka dapat menyerap kos operasi serta harga import dedak tinggi?

Jika dibuat perkiraan teliti, kos sebenar produksi untuk seekor ruminan dan kos membesarkan ruminan pedaging dapat diketahui. Selain jaminan keselamatan makanan, kebergantungan kepada daging ruminan import tidak membantu menstabilkan harga, sebaliknya mengganggu industri ruminan tempatan.

Penternak kecil dan sederhana juga berpotensi



Penyelidikan dan pembangunan berkaitan industri ruminan perlu dipergiatkan lagi sehingga ke tahap pengkomersialan. (Foto hiasan)

untuk gulung tikar. Tambahan pula, kualiti daging import kurang segar jika diambil kira proses masa diambil dari ladang di negara luar dan diimport ke negara ini berbanding daging tempatan.

Justeru, Malaysia perlu meningkatkan kemahiran dan produktiviti penternak kerana mereka tulang belakang kepada pengeluaran makanan berasaskan daging dan susu sejak dahulu. Negara perlu membina model contoh ladang ternakan terancang dan berteknologi tinggi terbukti berjaya untuk menjadi ikutan penternak.

Ini juga boleh menggalakkan minat anak muda untuk menceburi bidang penternakan. Semakin ramai menceburi bidang ini dan berjaya, semakin baik untuk jaminan bekalan daging ruminan tempatan pada masa depan.

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan industri ruminan perlu dipergiatkan lagi sehingga ke tahap pengkomersialan. Sebagai contoh, R&D dalam penghasilan dedak haiwan berasaskan sumber tempatan seperti daripada pelepah kelapa sawit dan daun nanas.

Kebiasaannya bahagian pelepah kelapa sawit dan daun nanas dibuang atau dibiarkan kering di ladang. Namun jika diolah, sisa pertanian berkenaan mampu dijadikan dedak. Penambahbaikan dari semasa ke semasa diperlukan.

Wabak penyakit seperti hawar berdarah dan brucella antara ancaman kepada penternak industri ruminan. Masalah kecacangan dan kerintangan banyak penyakit terhadap ubat-ubatan sedia ada juga antara masalah perlu ditangani kerana ia mengganggu produksi daging dan susu tempatan.

Malaysia mempunyai kemampuan menghasilkan dedak untuk haiwan ternakan ruminan dan vaksin sendiri. Justeru, kerjasama antara universiti, institut, agensi swasta, penggerak industri serta penternak perlu dilakukan.

Negara tidak mempunyai pilihan, selain lebih bersiap sedia menghadapi dan menyelesaikan krisis industri ternakan ruminan sebelum terlambat kerana ia berkaitan jaminan keselamatan makanan negara yang menjadi tunjang negara.

Bagaimana negara mengharungi dan menepani wabak pandemik COVID-19 mungkin boleh dijadikan rujukan.

Pemilihan pemimpin kompeten dan cekap serta terbukti kepakarannya dari segi teori serta lapangan berkaitan industri ruminan sangat penting. Ia akan menentukan kejayaan dan hala tuju industri ruminan mampan.

Aspek pengeluaran makanan asasi membabitkan pelbagai sektor baik penternakan atau pertanian perlu diberi keutamaan segera untuk mengelak krisis lebih membimbangkan dan berpanjangan.

Justeru, pelan strategik perlu dirangka dan disepakati semua pemegang secara kolektif bagi menangani industri ternakan ruminan ini kerana ia sekuriti makanan negara.

Jaminan keselamatan makanan baik mampu memastikan kelangsungan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Menjadi harapan agar situasi ini dapat diselesaikan dengan segera serta diberi perhatian semua bagi mengelakkan krisis kemanusiaan dan keburluran.

# Kerajaan kena teroka import gandum dari negara lain

## FOMCA syor orang ramai beli ikut keperluan

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sudah tiba masa kerajaan meneroka import daripada negara sumber lain, bagi memastikan bekalan makanan seperti gandum sentiasa mencukupi, selain menggalakkan

inovasi masakan menggunakan tepung jenis lain.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata penerokaan eksport lebih meluas penting, memandangkan 100 peratus gandum diimport dan ia satu bahan penting dalam makanan di negara ini.

"Walaupun kerajaan bergantung 80 peratus import gandum dari Australia serta selebihnya dari Amerika Syarikat (AS), Kanada dan Ukraine, semua negara terbabit tidak memastikan beka-

lan stabil untuk sepanjang masa. "Australia dan Kanada berisiko terganggu produktiviti akibat perubahan cuaca ekstrem.

"Kerajaan harus mempertimbang import gandum dari negara lain, misalnya Turki," katanya semalam.

Mohd Yusof berkata, isu sesetengah tempat yang tiada bekalan gandum bukan disebabkan permintaan luar biasa musim perayaan, tetapi gandum tetap diperlukan sebagai makanan harian dan digunakan sepanjang masa.

"Masalah sekarang mungkin

bekalan terjejas disebabkan kekangan di negara pengeluar.

"Saya bimbang ada pihak yang menyeludup untuk menjual di negara jiran mengikut harga lebih mahal," katanya.

Beliau mengesyorkan supaya orang ramai membeli mengikut keperluan kerana gandum dan beras tidak tahan disimpan lama dan cepat rosak.

Berhubung isu peniaga pasar basah mempamerkan harga ayam yang mengelirukan, Mohd Yusof berkata, harga ayam yang sudah potong, tidak terikat dengan harga kawalan.

Masalah sekarang mungkin bekalan terjejas disebabkan kekangan di negara pengeluar. Saya bimbang ada pihak yang menyeludup untuk menjual di negara jiran mengikut harga lebih mahal

Mohd Yusof  
Abdul Rahman,  
Timbalan  
Presiden  
FOMCA



Mas Imran (kanan) menunjukkan bekalan tepung gandum yang terhad di Pasaraya Econsave Cash And Carry, Pasir Gudang, semalam. (Foto Mary Victoria Dass/DH)

## Peniaga kedai runcit dakwa terbeban syarat pemborong

Kota Bharu: Peniaga kedai runcit di negeri ini mendakwa terbeban dengan syarat dikenakan pemborong, apabila dipaksa membeli sejumlah tepung gandum tidak bersubsidi terlebih dahulu, sebelum dibenar mendapatkan stok subsidi.

Berdasarkan syarat itu, jumlah tepung gandum subsidi yang akan diperolehi peniaga bergantung kepada pembelian stok tanpa subsidi, sekali gus menyebabkan peniaga menanggung kos berlebihan.

Peniaga kedai runcit yang mahu dikenali Kak La, 40, berkata disebabkan syarat yang dikenakan pemborong menyebabkan peruncit terpaksa mengeluarkan modal yang besar, demi mendapatkan tepung gandum bersubsidi.

"Sebagai peniaga, saya tidak mempunyai pilihan dan terpaksa menurut syarat diletakkan demi mendapatkan tepung gandum."

"Sebagai contoh, jika saya membeli 20 kotak gandum tidak bersubsidi, saya hanya mendapat tiga kotak gandum subsidi,"

katanya di sini.

Tinjauan di bandar ini mendapati, bekalan tepung gandum bersubsidi di beberapa kedai borong dan runcit berkurangan, menyebabkan peniaga terpaksa menjual stok tidak bersubsidi dengan harga lebih mahal.

Peniaga mendakwa, bekalan yang tidak bersubsidi yang dijual pada harga RM1.35 sekilogram kekurangan sejak beberapa bulan.

Terdapat juga tepung gandum yang tidak bersubsidi dijual, namun harganya lebih mahal, iaitu antara RM2.70 sehingga RM3.50 sekilogram bergantung kepada jenama.

Seorang penjual roti canai, Isa Abd Rahman, 36, mendakwa masalah bekalan tepung gandum bermula sejak Sambutan Tahun Baharu Cina dan berlarutan hingga kini.

"Meskipun harga barangan naik seperti gandum dan telur, saya masih lagi mengekalkan harga roti canai seperti sebelum ini demi menjaga pelanggan," katanya.



## Bekalan tepung gandum bersubsidi di pasaran terhad

Pasir Gudang: Beberapa pasar raya dan kedai runcit di sini kekurangan bekalan tepung gandum bersubsidi.

Pengusaha kedai runcit juga mendakwa kehabisan stok bekalan itu sejak minggu lalu, manakala sesetengah pasar raya pula didapati hanya memiliki bekalan terhad.

Peniaga kedai runcit, Hussein Abdullah, 40, berkata kedainya hanya mempunyai bekalan tepung gandum tidak bersubsidi dengan harga RM3.05 satu pekang dan jenama tepung gandum bersubsidi pula sukar diperolehi.

"Tepung gandum bersubsidi jenama GPS berharga RM1.85, selain Blue Key, Lili dan Feri berharga RM1.35 kebanyakannya terputus bekalan, sejak awal bulan ini," katanya semalam.

Sementara itu, Pengurus Be-

pasir Pasaraya Econsave Cash And Carry, Mas Imran Adam, berkata pihaknya mengalami kekurangan antara 20 hingga 30 peratus bekalan tepung gandum bersubsidi di semua 87 cawangan.

Katanya, kekurangan itu kerana pembekal tidak dapat menghantar bekalan disebabkan cuti panjang sempena Aidilfitri.

Beliau berkata, setakat ini hanya terdapat bekalan tepung gandum tidak bersubsidi jenama Faiza di pasar raya itu.

"Syarikat juga mencadangkan langkah menghadkan penjualan tepung gandum sekilogram kepada pembeli kerana kekurangan bekalan, bagi memastikan keperluan asas itu dapat diperolehi lebih ramai pembeli."

"Cadangan ini perlu mendapat kebenaran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-

Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya.

KPDNHEP sebelum ini memaklumkan bekalan tepung gandum negara tidak terjejas di sebalik larangan India mengekspor gandum, susulan gelombang haba akibat cuaca panas.

Di Kota Kinabalu, beberapa pasar raya di sini dan daerah berhampiran, mula menghadkan pembelian tepung gandum kepada dua pekang setiap pembeli.

Tindakan itu bagi memastikan pengguna tidak membeli dalam jumlah banyak supaya lebih ramai pengguna berpeluang mendapat bekalan yang semakin kurang.

Tinjauan di pasar raya di Putatan di sini, mendapati had pembelian dua pekang tepung gandum bagi setiap pembeli dilaksanakan bermula kelmarin.

19/5/2022

UTUSAN

EKONOMI

34

MALAYSIA

Kejatuhan ringgit sejak dua minggu lalu beri tekanan

# Harga barang naik, peniaga terjejas

Oleh **SYED AZLAN SAYID HIZAR**  
ekonomiutusan@mediamulla.com.my

**PADANG BESAR:** Rata-rata peniaga di Padang Besar iaitu salah satu lokasi pelancongan terletak di sempadan Malaysia Thailand mengakui kejatuhan nilai ringgit memberi kesan negatif kepada mereka.

Seorang peniaga, Zainab Abdul Aziz, 25, berkata, kesan kejatuhan mata wang Malaysia mula dirasai sejak dua minggu lalu sekali gus turut memberi kesan kepada kenaikan cukai keluar masuk barang.

Ekoran itu, katanya, dia tidak boleh menjual barangan pada harga lama dan terpaksa menaikan harga sekitar RM1 hingga RM3 berikutan nilai ringgit yang menyusut itu.

"Sebelum ini, saya menjual pati tom yam seberat 900 gram pada harga RM15 namun terpaksa menaikan harga kepada RM18 berikutan kesan kejatuhan mata wang Malaysia.

"Selain itu, sekotak mee segera jenama Serda yang sering digunakan untuk menghasilkan 'kerabu mee segera' juga terpaksa dijual pada harga antara RM23 hing-



**ZAINAB Abdul Aziz (Kiri) melayan pelanggan yang datang ke kedainya di Padang Waremart, Padang Besar, Perlis. - UTUSAN/SYED AZLAN SAYID HIZAR**

ga RM24 sekarang berbanding hanya RM21 sebelum sambutan Aidilfitri baru-baru ini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Padang Waremart hari ini.

Tambah Zainab, kenaikan harga beberapa produk berkenaan juga disebabkan peningkatan upah pengangkutan barangan dari Thailand yang biasanya diba-

yar menggunakan ringgit.

"Kejatuhan nilai ringgit itu sememangnya memberi kesan kepada kenaikan harga barangan yang bukan sahaja membebankan peniaga malah kepada para pengguna," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mariah Dolah, 41, berkata, kebanyakan harga produk Thailand bergan-

tung kepada nilai semasa mata wang kedua-dua negara.

Katanya, sekiranya nilai ringgit mengukuh, harga jualan barang import dari negara jiran akan turun.

"Amalan harga jualan mengikut harga tukaran mata wang tersebut telah diamalkan sejak dahulu lagi dan kaedah itu anta-



**Kejatuhan tersebut mula dikesan sejak kebelakangan ini dan tidak tahu sampai bila situasi tersebut akan berterusan atau sebaliknya."**

ra tarikan pengunjung ke Padang Besar.

"Kejatuhan tersebut mula dikesan sejak kebelakangan ini dan tidak tahu sampai bila situasi tersebut akan berterusan atau sebaliknya," katanya.

Semalam, ringgit kekal dinagakan rendah berbanding dolar Amerika Syarikat pada 4.3870/4.3955. Ringgit juga lemah berbanding bath Thailand pada 12.7067/12.19 bagi 100 bath.

Kali terakhir ringgit didagangkan di bawah 4.0000 berbanding dolar ialah pada 18 Jun 2018 iaitu pada kadar 3.9980/3.9930.

Keluar wang simpanan RM300 demi sebiji durian black thorn, puas hati walau mahal

# Rasa bertuah dapat makan duri hitam

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** - Penggemar durian duri hitam (*black thorn*) atau orchee di negeri ini sanggup mengeluarkan wang simpanan RM300 semata-mata mahu menikmati hanya sebiji raja buah itu sebaik luruh buat kali pertama bermula bulan ini.

Rata-rata peminat buah tempatan dari Balik Pulau itu mengatakan yang mereka tidak mahu menunggu lama untuk menikmati lambakan buah itu mulai Jun ini selain mengangagap diri paling bertuah apabila berpeluang menikmati buah 'mula' bagi musim ini.

Seorang eksekutif syarikat swasta, Aidil Iman Irsyad, 40, berkata, dia sanggup meredah kesesakan jalan raya dan menyeberangi Jambatan Pulau Pinang dari arah Bukit Mertajam ke Balik Pulau demi menikmati sebiji duri hitam.

Akuinya, jarak 110 kilometer dari kediamannya bukan menjadi penghalang untuk mendapatkan buah istimewa yang ditunggu-tunggu setiap tahun.

"Selain rasanya yang enak dan buahnya lain daripada lain, saya



**SEORANG** pekebun di Balik Pulau menunjukkan durian duri hitam yang belum masak di kebunnya, namun sudah mendapat tempahan daripada penggemar.

sanggup laburkan wang yang banyak dan dikatakan tidak masuk akal semata-mata kerana sebiji buah durian tersebut.

"Seperti tahun-tahun sebelumnya ini, mereka yang berpeluang menikmati duri hitam pertama (awal musim) dianggap paling

bertuah dan 'ong'. Ini kerana tidak semua peminat dapat menikmati isinya sebelum buah itu luruh sepenuhnya Jun



**KERATAN** Kosmo' semalam.

nanti," katanya kepada Kosmo! di sini baru-baru ini.

Sementara itu, seorang lagi peminat duri hitam, Ahmad Azrizal Tabir, 40-an, berkata, belum sesuai masanya lagi untuk para penggemar buah itu membelinya kerana ini disebabkan harganya yang terlalu tinggi.

"Memang terpaksa gigit jari untuk sementara waktu bagi menanti berlakunya lambakan buah duri hitam pada pertengahan Jun ini.

"Memang menjadi kewajiban untuk kami, peminat duri hitam menikmati buah itu meskipun tidak sampai lima ulas bagi setiap biji. Bukan hantu durian jika tidak pekena duri hitam.

"Biarlah harganya jadi stabil dahulu. Mungkin boleh turun sehingga RM70 sekilogram apabila tiba musim luruh duri hitam pada bulan depan," jelasnya.



Lapan premis terpaksa ditutup, peniaga tidak terima stok daripada pembekal

## Bekalan ayam di Pasar Jerantut licin

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI

**JERANTUT** – Pengguna di bandar ini terpaksa menghadapi 'krisis' ayam selepas kesemua lapan buah kedai di Pasar Besar Jerantut yang menjual makanan mentah itu terpaksa ditutup semalam berikutan tidak menerima sebarang bekalan yang ditempah.

Difahamkan, lapan unit kedai yang menjual ayam itu terpaksa ditutup sejak beberapa hari lalu selepas pembekal tidak menghantar bekalan ayam segar.

Seorang pengguna, Siti Hozam Omar, 57, berkata, dia sentiasa mendapatkan bekalan ayam di pasar besar berikutan jaminan ayam yang lebih bersih dari sudut penyembelihan dan pemrosesan.

Namun semalam, katanya, dia terkejut apabila melihat kesemua kedai ayam di Pasar Besar Jerantut tidak beroperasi.

"Saya difahamkan kesemua kedai ayam ini tutup berikutan bekalan ayam yang tidak mencukupi.

"Tidak pasti sehingga bila, mungkin esok saya akan datang semula untuk membeli ayam," katanya yang menetap di Taman Teratai, kira-kira 1.4 kilometer dari Pasar Besar Jerantut.

Katanya, ketidadaan ayam di Pasar Besar Jerantut menimbulkan keimbimbangan kerana bekalan ayam merupakan makanan penting yang perlu ada di rumahnya setiap hari.

"Saya dapat tahu harga sudah semakin mahal, sekarang saya sudah tidak runsing lagi pasal harga, yang penting saya dapat beli ayam segar," katanya.

Seorang lagi pengguna, Rahmat Sufy, 33, berkata, penduduk di sekitar bandar itu terpaksa menghadapi 'krisis' bekalan ayam segar tersebut mungkin disebabkan manipulasi pasaran oleh pihak tertentu.

"Saya meminta agar kerajaan dan pihak berkuasa mengambil tindakan tegas sekiranya terdapat manipulasi daripada pihak tertentu yang mahu untung lebih sehingga menyukarkan kehidupan orang ramai," katanya.



PENDUDUK mula berdepan 'krisis' ketidadaan ayam selepas lapan premis di Pasar Besar Jerantut terpaksa ditutup berikutan tidak menerima bekalan.

## 'Pukul 8 pagi bekalan sudah habis'

**ROMPIN** – Masalah bekalan ayam tidak berkesudahan apabila bekalan ayam segar terus berkurangan di negeri ini sehingga meresahkan pengguna dan penjual.

Difahamkan, kekurangan bekalan ayam di beberapa pasar-pasar besar di negeri ini berlarutan dari hujung tahun lalu sehingga kini.

Tinjauan *Kosmo!* di Pasar Besar Kuala Rompin di sini, mendapati, bekalan yang tidak mencukupi menyebabkan rata-rata penjual telah habis menjual ayam seawal pukul 8 pagi.

Dalam tinjauan di Pekan Sehari Rompin yang dibuka setiap Ahad mendapati, tiada lagi penjual ayam di situ yang kebiasaannya mempunyai lebih tiga gerai jualan sebelum ini.

Seorang penjual ayam, Ali Khameini Arpi, 31, berkata, isu kekurangan bekalan ayam kali ini agak teruk apabila berlarutan dalam tempoh yang lama iaitu sejak November tahun lalu.

"Kalau pesan 300 ekor, yang sampai hanya kurang 100 ekor. Hari ini (semalam) saya hanya dapat 60 ekor ayam yang habis dijual pada pukul 8.30 pagi.



ALI KHAMEINI (kanan) dan penjual lain di Pasar Besar Kuala Rompin telah habis menjual ayam seawal pukul 8 pagi ekoran masalah kekurangan bekalan dihadapi mereka. – ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

"Pada masa ini saya hanya berniaga di pasar besar sahaja dan tidak lagi berniaga di pekan sehari kerana tiada bekalan ayam segar," katanya.

Katanya, dia dan peniaga lain menjual ayam dengan harga kawalan sebanyak RM8.90 sekilogram meskipun hanya memperoleh keuntungan yang sedikit.

Seorang pembeli, Abdul Mujiburahman Md. Naza, 30, berkata, dia yang mahu mengadakan ken-

duri resah apabila ayam segar yang diperolehi tidak mencukupi.

"Saya mahu beli paling kurang 15 ekor ayam dan saya juga telah menempah semalam, namun hari ini hanya mendapat sembilan ekor. Itu pun daripada dua penjual di pasar," katanya.

Seorang pembeli, Abdul Mutalib Abdullah, 50, berkata, sudah lama kejuarganya tidak dapat menjamah juadah ayam di rumah kerana isu itu.

# Peniaga roti canai bimbang

Oleh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**ARAU:** Peniaga roti canai bimbang sekiranya bekalan tepung gandum yang didakwa hanya mampu bertahan setakat Julai ini benar-benar berlaku sekali gus bakal menyebabkan mereka terpaksa memberhentikan operasi perniagaan makanan tersebut.

Malah, ada dalam kalangan peniaga sudah mula berkirakan untuk menukar perniagaan roti canai kepada masakan panas sekiranya bekalan tepung gandum yang menjadi bahan utama pembuatan roti canai itu terputus.

Peniaga roti canai, Zaini Ensof, 41, berkata, dia yang lebih 10 tahun menjalankan perniagaan ini tidak menyangka masalah bekalan tepung gandum ini boleh menjadi serius sehingga terdapat dakwaan ia hanya mampu bertahan dalam tempoh dua bulan lagi.

Selain itu, katanya, harga tepung gandum juga terus menunjukkan peningkatan dari sekitar RM22 sekotak tahun lalu kepada RM30.90 ketika ini.

Ujarnya, kenaikan tersebut menyebabkan dia tidak ada pilihan terpaksa menaikkan harga sekeping roti canai daripada RM1 kepada RM1.20.

"Saya ada dengar juga beka-



**PENIAGA** roti canai di Arau semalam mula bimbang sekiranya bekalan tepung gandum yang didakwa hanya mampu bertahan setakat Julai ini benar-benar berlaku. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

lan tepung gandum hanya mampu bertahan sehingga Julai sahaja. Kalau ia benar-benar berlaku, kami tidak ada pilihan lain terpaksa berehatlah daripada membuat roti canai.

"Atau terpaksa memikirkan perniagaan lain seperti masakan panas dan sebagainya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan keresahan golongan perun-

cit setelah pihak pemborong mendakwa stok tepung gandum hanya mampu bertahan setakat Julai ini.

Desas-desus mengenai dakwaan itu telah menimbulkan kegelisahan dalam kalangan peruncit dan juga peniaga yang ketika ini sememangnya sukar memperoleh bekalan tersebut.

Situasi itu juga menyebabkan berlakunya kenaikan harga apabila sepeket tepung gan-

dum satu kilogram kini dijual sehingga RM3.50 berbanding RM2.80, manakala sekotak tepung gandum 10 kilogram naik sehingga RM6, menjadikan harga terkini mencecah RM28.

Tambah Zaini, ketika ini, dia masih mendapat bekalan tepung gandum di kedai-kedai runcit dan sebagainya namun selepas ini tidak pasti sama ada masih ada atau sebaliknya.

## Pengusaha terpaksa naikkan harga roti

**TELUK INTAN:** Akibat kenaikan harga tepung gandum sejak April lalu, seorang pengusaha roti bakar di Kampung Bahagia di sini terpaksa menaikkan harga jualan roti yang dihasilkan.

Farah Nadia Abdul Ghafoor, 33, yang mengusahakan roti yang dibakar menggunakan kayu berkata, dia menaikkan harga jualan semua jenis roti sebanyak 30 sen.

"Sebelum ini tepung gandum seberat 25 kilogram saya beli pada harga RM73.50 tapi sejak April lalu harganya naik kepada RM81.50 bagi berat yang sama," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, apa yang membimbangkan ialah jika harga tepung gandum terus naik, pengusaha sepertinya pasti akan terjejas.

"Saya ada dengar harga tepung akan terus meningkat kerana upah pengangkutan lori

tinggi dan harga minyak juga naik.

"Saya harap kenaikan tepung gandum tidak berlarutan dan harganya kembali stabil," katanya.

Farah Nadia merupakan pengusaha yang meneruskan perusahan membuat roti bakar menggunakan cara tradisional yang diasaskan oleh arwah bapanya sejak tahun 1957 iaitu menggunakan kayu untuk membakar roti di Lorong Masjid, Kampung Bahagia.

Dia meneruskan kaedah pembakaran yang digunakan oleh arwah bapanya kerana roti yang dihasilkan lebih sedap berbanding pembakaran kaedah moden.

Menurutnya, setiap hari dia menghasilkan antara 2,000 hingga 3,000 biji roti bakar yang dipasarkan di negeri ini dan Kuala Lumpur.



**FARAH** Nadia Abdul Ghafoor menunjukkan bekalan tepung untuk membuat roti bakar di Kampung Bahagia, Teluk Intan semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

## 87 cawangan Econsave kekurangan 30 peratus tepung gandum

**PASIR GUDANG:** Pasar Raya Econsave Cash and Carry (Econsave) berdepan masalah kekurangan bekalan tepung gandum bersubsidi sehingga 30 peratus di kesemua 87 cawangannya di seluruh negara.

Pengurus Besar Econsave, Mas Imran Adam berkata, keadaan itu disebabkan pembekal mengalami masalah ketiadaan bekalan tepung gandum sejak awal bulan ini.

Katanya, keadaan bertambah buruk apabila pembekal tidak dapat menghantar bekalan disebabkan cuti panjang sempena Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

"Walaupun negara kita tidak mengimport tepung dari India, masalah turut berlaku setelah bekalan tepung gandum tidak mencukupi di pasaran.

"Kita mengimport bekalan tepung gandum kira-kira 80 peratus dari Australia dan hanya sedikit dari Ukraine, sepatutnya kita tidak timbul isu kekurangan bekalan tepung gandum," katanya semasa meninjau bekalan berkenaan di Econsave Taman Scientex, di sini hari ini.

Semalam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkata, bekalan tepung gandum negara dijangka tidak terjejas di sebalik larangan India mengeksport gandum susulan gelombang haba akibat cuaca panas terik.

KPDNHEP berkata, Malaysia mengimport 80 peratus biji gandum dari Australia dan selebihnya dari Amerika Syarikat, Kanada dan Ukraine.

Dalam pada itu, Mas Imran berkata, setakat ini hanya terdapat bekalan untuk tepung gandum tidak bersubsidi jenama Faiza di pasar raya tersebut dengan harga RM3.05 satu peket.